

KELUARAN ANGKATAN
NAHDHATUL ISLAM BERSATU (BINA)



الحمد لله

AL-HUDA

SIRI PENGAJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM

TAHUN 2,
NOMBOR 21,
RAMADHAN
1407,
MEI 1987



Manusia dan
Nafsunya

SELAMAT BERPUASA

قُلْ إِنَّ رَبَّكَ مَهْدَىٰ اللَّهُ هُوَ الْمَهْدَىٰ
• (البقرة: ١٢٠)

Katakanlah: "Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah pertunjuk yang sebenarnya." (Al-Baqarah 120)

TERHAD
UNTUK PARA AHLI SAHAJA

Ibu Pejabat,
Jalan Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Yakub,
Petra Jaya, 93050 Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Telifon: 082-443993,
082-443994 ext. 11 atau 31

AL-HUDA

TAHUN 2, NOMBOR 21, RAMADHAN 1407, MEI 1987

Penasihat USTAZ HAJI FATHI HAJI DUET • Pengarah TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM • Ketua Unit Penerbitan/Rekabentuk/Pengurus Iklan BUJANG JENAL • Ketua Pengarang USTAZ HAJI MORTADZA HAJI DAUD • Penolong Ketua Pengarang USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU BAKAR • Sidang Pengarang USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR, USTAZ SYED MUHAMAD ALW AL-ATTAS, DR. WAN ALI TUANKU MADHI, USTAZAH ROHANI BINTI AWI, USTAZ HAJI ALI FATHULLAH HARUN, TUAN HAJI MOHD. HANIF ALI, USTAZ HJ. MOHD FAUZI MOHIDIN.

PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Muslimin dan Muslimat sekalian; Dimaklumkan dengan segala hormatnya bahawa pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalukan sumbangan derma seikhlas hati bagi membaiyai penerbitan seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit resmi yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Segala sumbangan boleh dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:
Pengarah,
Penerbitan Al-Huda,
Ibu Pejabat BINA,
Jalan Tun Datuk Patinggi
Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.
Pengarah

KANDUNGAN

Lidah Pengarang	
Biduk Lalu, Kiambang Bertaut	4
Harakah Islamiah	6
Tafsir Surah Al-Fatiyah	13
Beberapa Tantangan Terhadap Ummat	
Islam Dimasa Kini	18
Kesan Penyalahgunaan Dadah Terhadap	
Masyarakat	21
Proses Kejadian Manusia Menurut	
Al-Quran	26
Tauhid dan Syirik	34
Kisah Seorang Gembala	38
Gadis Amerika Memeluk	
Agama Islam	42
Ringkasan Sejarah Isteri-isteri	
Rasulullah S.A.W.	45
Ruang Al-Fatwa	46
Menyambut Ramadhan	
Manusia dan Nafsunya	49
Rangkuman Do'a	
Do'a Hendak Berpakaian	53
Berita Dunia Islam	54
Mutiara Hikmat	56

LIDAH PENGARANG

BIDUK LALU, KIAMBANG BERTAUT

Saudara seiman, secita-cita,

1. "Pesta Demokrasi", Pilihanraya Umum Negeri Sarawak 1987, telahpun berakhir dengan selamat. Kita ucapkan "Syukur, Alhamdulillah!"

2. Sebagai warga negara, ramai ummat Islam yang terlibat. Masing-masing telah turun mengundi mengikuti arus yang membawanya, hinggahal sekarang umat kita berada di beberapa "teluk" dan rantau". Tapi, kita yakin, ummat Islam tidak kehilangan pedoman! Mereka tidak akan sesat dijalan, walaupun mereka sedang berada di beberapa "ceruk rantau" yang berbeza.

3. Bukankah kita semua:

- Bertuhan yang Satu, iaitu Allah Yang Maha Esa?
- Beragama yang satu, ya'ni Agama Islam yang suci?
- Berpemimpin yang satu, ialah Nabi Muhammad SAW?
- Berkiblat yang satu, iaitu Ka'batullah el Haram?

4. — Rumah tangga kita dalah rumah tangga Islam dan masyarakat kita adalah masyarakat Islam, yang hidup dalam SATU JAMAAH.

5. — Memang JAMAAH adalah satu keistimewaan daripada bentuk

hubungan kemasyarakatan ummat Islam. Barangsiapa yang memisahkan diri dari JAMAAH, maka ia dianggap terkeluar dari Islam.

Baginda Rasulullah SAW. telah menegaskan perkara ini dalam salah satu hadisnya yang diriwayatkan oleh Turmuzi:

"...فَإِنْ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ

قَيْدٌ شَدِيرٌ فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ

الْمُسْلِمِ مِنْ عَنْقِهِ"

(رواه الترمذى)

"..... Maka sesungguhnya sesiapa yang memisahkan diri dari JAMAAH, walaupun sekadar sejengkal, maka sungguh-sungguh ia telah menanggalkan ikatan Islam dari lehernya."

Berulang kali kata-kata sungguh disebut dalam hadis tersebut, bermakna: perkara ini tidak boleh dianggap main-main!

JAMAAH UMMAT Islam tidak boleh

retak sedikitpun! Kita mesti bersatu, seiman, seperjuangan dalam menegakkan KALIMAH ALLAH, yang HAK. Sebab, menurut keyakinan kita, yang Hak (yang benar) itu hanya satu, iaitu KEBENARAN DARIPADA ALLAH.

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ
فَلَا تَكُنْ مِنَ الْمُمْتَرِينَ

• (آل عمران : ٦٠)

"Yang Hak (yang Benar) itu ialah yang datang dari TUHAN engkau, kerana itu janganlah engkau termasuk ke dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu!" (Surah Al-Imran, ayat 60)

Manakala dalam Surah Hud ayat 112 Allah SWT telah memerintahkan kepada kita:

فَاسْتَقِمْ كَمَا أَمْرَتْ

"Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas umat-umat sebelum kamu, mogamoga kamu bertakwa, hanya di dalam beberapa hari sahaja." (Al-Baqarah, ayat 183-184).

وَمِنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغُوا
إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

• (هود : ١١٢)

Yang bermaksud: "Maka tetaplah kamu pada jalan yang benar, sebagaimana diperintahkan kepada mu dan (juga) orang yang telah taubat beserta kamu dan janganlah kamu melapau batas. Sesungguhnya DIA (ALLAH) Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Maka, apapun yang melanda kita ummat Islam, kita anggap semuanya itu sebagai cubaan, bagi mengukuhkan semula perpaduan kita.

Semoga Allah SWT menurunkan rahmatNya kepada kita semua.

Amin!

Wabillahittaufiq Wal Hidayah.

Wassalamualaikum.

(SIDANG PENGARANG)

PENDIDIKAN

(Sambungan Al-Huda No. 20)

HARAKAH ISLAMIAH PENDIDIKAN KEIMANAN

(Disadur dari "ATTARBIAYATUL ISLAMIAH", Karangan Dr. Yusuf Qardhawi)
Oleh: HASAB

SANTAPAN

Setelah kita bahas mengenai kalbu, peranan dan pemeliharaannya, maka sekarang tibalah saatnya kita memperkatakan tentang santapan yang mesti diberikan selalu kepada kalbu, supaya ia mempunyai daya ketahanan, dan hidup, tumbuh dan berkembang dengan subur, selamat dan sejahtera.

Ada tiga perkara, sebagai "makanan" dan juga sebagai "baja" yang mesti selalu diserapkan kedalam kalbu kita, supaya ia hidup subur, tenang dan sabar, dapat menguasai diri dan mengendalikan nafsu.

Ketiga-tiga macam makanan atau santapan kalbu tersebut kita dapat dari petunjuk Hadis Rasulullah S.A.W. yang berbentuk doa, sebagai berikut:-

اللَّهُمَّ اعْنِي عَلَى ذِكْرِكَ

وَشُكْرِكَ وَحْسُنْ عِبَادَتِكَ
(رواه أبو داود)

Yang bermaksud:-

"Ya Allah, tolonglah aku, supaya aku selalu INGAT KEPADA ENGKAU, supaya aku BERSYUKUR KEPADA ENGKAU dan supaya aku BERIBADAT DENGAN SEBAIK-BAIKNYA KEPADA ENGKAU."

(Riwayat Abu Daud dari Mudz bin Jabal)

Jadi 3 macam santapan yang mesti selalu diberikan kepada kalbu kita:-

1. Ingat (zikir) kepada Allah;
2. Pandai bersyukur kepada Allah atas segala nikmat kurnia yang telah dilimpahkanNya kepada kita.
3. Menunaikan IBADAH yang sebaik-baiknya kepada Allah.

BERZIKIR atau MENGINGAT ALLAH adalah satu amalan yang terpenting

daripada ajaran IMAN. Ianya dilakukan tidak hanya dengan lisan atau menyebut, seperti membaca "subhanallah walhamdulillah wala ila-ha illallaaah" pada masa-masa tertentu, tetapi juga dengan hati. Kita mesti selalu ingat kepada Allah dalam hati kita dimana saja kita berada, seolah-olah kita merasakan selalu berada disampingNya. Dan memang, Allah itu berada berserta kita dimana saja kita berada, sebagaimana telah diterangkan didalam Al-Quran, Surah Al-Hadiid, ayat 4:-

"Dan Dia bersama kamu dimana saja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa yang kau kerjakan." (Al-Hadiid: 4)

Walaupun kita berada ditempat yang sunyi bersendirian, namun kita tidak merasa kesepian. Allah ada bersama kita. Ia melihat dan memperhatikan apa yang kita kerjakan. Ia mendengar apa yang kita ucapkan. Sebab itu kita tak perlu takut kepada sesiapa juapun. Hanya kita perlu waspada dan berjaga-jaga terhadap sebarang bahaya yang mungkin



Berzikir atau mengingat ALLAH adalah satu amalan yang terpenting daripada ajaran IMAN.

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَمَا كُنْتُمْ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ بِصَرِيرٍ .
(الْحَدِيد : ٤)

menimpa kita. Waspada dan berhati-hati dengan menggunakan segala potensi yang ada pada kita adalah juga sunnatullah, ketentuan hukum alam yang telah digariskan oleh Yang Maha Menjadikannya (Allah Rabbul 'alamin).

ZIKIR atau ingat kepada Allah dapat diwujudkan juga dengan perbuatan atau amal ibadah sehari-hari, seperti mengerjakan sembahyang, berdoa, membaca Al-Quran, belajar ilmu-ilmu akademik, menghadiri pengajian Majlis Taklim, bersedekah, mengajar dan lain-lain sebagainya.

Bahkan merenung dan mengagumi keindahan alam, buah ciptaan Allah Yang Maha Kuasa adalah juga zikir. Demikian juga berfikir membuat penyelidikan (research) dan berusaha memperkembangkan ilmu pengetahuan adalah juga zikir.

Sebab semuanya itu membawa kita kepada INGAT (zikir) kepada Allah yang telah menciptakan segala-galanya itu, lalu mengakui keagungan dan ke Maha KuasaNya.

الذين يذكرون الله قياماً
وأرعنوا على جنوبهم
ويتفكرون في خلق السمواتِ والارضِ، ربنا ما خلقت هذا
باطلاً، سبحانك فقنا
عذاب النارِ
(آل عمران : ۱۹۱)

Yang bermaksud:

"Ulul Albaab" yakni orang-orang yang berakal, iaitu orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau

dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharakanlah kami dari siksa neraka."

Maka kalau kita ingat kepada Allah, mestilah kita ingat pula akan segala aturan, petunjuk dan larang-pantangNya. Kita merasa takut kepadaNya, bahawa kita merasa malu kepadaNya, untuk berbuat sesuatu yang tidak disukaiNya, apalagi yang terang-terang dilarang atau diharamkan olehNya.

Itulah ia "santapan" pertama untuk kalbu kita.

Santapan kalbu yang kedua ialah:-

BERSYUKUR KEPADA ALLAH, iaitu pandai berterima kasih dan berbudi kepada Allah, atas segala ni'mat kurnia yang telah kita terima daripadaNya, yang tak ternilai harganya.

Adapun cara bersyukur itu, tidak hanya dengan mengucapkan "alhamdulillah" sahaja, melainkan yang utama ialah:

- a) menerima setiap pemberian Allah itu dengan segala senang hati, tidak kira sedikit ataupun banyak. Sikap inilah yang dipanggil dengan "qana'ah (قناة).
- b) pandai menggunakan setiap pemberian Allah itu dengan sebaik-baiknya dan secukup-cukupnya, dan menjauhi setiap perbuatan yang membazir.
- c) pandai menjaga dan memelihara nikmat Allah itu dan merasakan benar-benar didalam hati akan kasih sayangNya kepada kita.

Jenis santapan kalbu yang ketiga ialah: beribadat kepada Allah dengan sebaik-baiknya.

Beribadat atau memperhambakan diri kepada Allah adalah satu ketentuan semula jadi dari Allah semenjak Dia menjadikan manusia dan jinn, sebagaimana telah diterangkanNya didalam Al-Quran, Surah Adzariaat, ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ
لَا يَعْبُدُونَ

(الذاريات : ٥٦)

"Dan tidaklah Aku jadikan jinn dan manusia ini, melainkan adalah untuk beribadah kepadaKu."

Maka sebagai orang yang beriman kepada Allah, ia mestilah selalu menyedari matlamat kehadirannya di dunia ini, iaitu supaya ia hidup sebagai hamba kepada Allah, bukan hamba kepada manusia lainnya atau hamba kepada duit, harta dan pangkat kedudukan, juga bukan hamba kepada hawa nafsunya sendiri. Ia mesti menundukkan dan mempersebahkan segala-gala yang ada padanya kepada Allah dengan mematuhi segala petunjukNya. Ia mesti menyesuaikan cara hidupnya sehari-hari dengan aturan dan hukum Ilahi, sebagaimana telah dicontohkan oleh RasulNya, Muhammad S.A.W.

Secara umum, IBADAH itu bererti segala perkataan dan perbuatan yang disukai dan direhái oleh Allah S.W.T.

Akan tetapi dalam kontek pendidikan kita didalam Harakah Islamiyah, kata ibadah itu kita titik beratkan kepada beberapa segi pokok yang bersabit

dengan perjuangan menegakkan syi'ar Islam, dari mulai pendekatan diri (taqarrub) kepada Allah, mengingat serta mesyukuri segala nikmatNya dan menegakkan Agama itu didalam kehidupan peribadi dan masyarakat. Mengenai ibadah khusus yang berkaitan dengan pendekatan (taqarrub) diri kepada Allah beberapa amalan perlu difekankan:

1. Beribadat menurut sunnah Rasulullah S.A.W. dan menjauhi perkara-perkara yang bid'ah (penyimpangan atau sesuatu yang diada-adakan), yang selalunya membawa kepada kesesatan (dhalalah).
2. Mengalakkan sembahyang berjemaah, baik dalam keadaan aman dan damai, maupun dimedan perang.
3. Mengutamakan pelaksanaan ibadah-ibadah yang fardhu untuk kemudian mengiringinya dengan yang sunnat, bukan sebaliknya.
4. Mengalakkan sembahyang sunnat. Tersebut didalam satu Hadis Qudsi, sebagai berikut:

وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ

الَّتِي بِالنَّوْافِلِ حَتَّى أَحْبَهَهُ

(حدیث قدسی ، متفق علیہ)

"Dan sentiasalah hambaKu suka mendekatkan diri kepadaKu dengan mengerjakan amal-amal sunnat, sehingga AKU mencintainya"

Maka dalam suasana yang demikian akan timbulah kader-kader pejuang Islam, yang tekun dan rajin berpuasa

(الْأَحْزَابُ : ٤٢ - ٤١)

walaupun dalam menghadapi tugas-tugas berat dilapangan pada siang hari, manakala dimalam harinya mereka rajin mengerjakan "qiyamul-lail", berzikir, membaca Al-Quran dan sebagainya.

Mereka ini sering dipersamakan dengan para sahabat Rasulullah dan para tabi-in, pejuang-pejuang Islam yang penuh taat setia, yang di zamannya bekerja dengan kuat disiang hari, berjuang, ya kadang-kadang berperang menghadapi musuh, sementara dimalam harinya mereka kuat beribadat mengerjakan sembahyang malam, membaca Al-Quran dan berdoa kepada Tuhan dengan penuh khusyu' dan tawadhu'.

Suasana hening dimalam-malam yang penuh berkat itu tidak pernah diabaikannya. Disaat-saat itulah mereka merasa paling dekat kepada TuhanYa, dimana dia berkesempatan mengadukan segala penderitaan dan memohonkan segala permintaan kepada TuhanYa, Allah Rabbul 'Izzati. Rasanya pada waktu itu adalah ibarat kata orang tua: "gayung bersambut, kata berjawab!"

Segala lelah dan jerih payah disiang hari bertukar menjadi segar bugar, berkat limpah kasih sayang daripada TuhanYa. (Arrahman Arrahim).

5. Mengalakkan agar banyak berzikir kepada Allah.

Allah telah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
إِذْ كُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا
وَسَبَّحُوهُ بِكَرَةٍ وَاصِلًا •

"Wahai ummat yang beriman, berzikirlah kepada Allah dengan zikir yang banyak dan bertasbihlah kepadaNya pagi dan petang." (Al-Ahzab): 41-42).

ZIKIR yang terbaik ialah membaca Al-Quran, kerana dengan setiap hurufnya akan diberi sepuluh kebaikan. (maksud Hadis). Membaca Al-Quran itu hendaklah mengikut ilmu tajwid dan disertai dengan penghayatan isi kandungannya untuk direnung, difikir dann dilaksanakan dalam hidup sehari-hari.

Zikir-zikir lainnya ialah seperti tahmid, tasbih, tahlil, takbir, berdoa, istigfar dan bersalawat kepada Nabi S.A.W.

Dalam pengamalan zikir-zikir ini hendaklah menurut contoh-contoh yang pernah diamalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat beliau (RadhiAllahu 'anhum):

1. Lafaz-lafaz zikir yang datang dari Nabi S.A.W. itu begitu hebat, tak tertandingi oleh gubahan lainnya, baik ditilik dari segi kandungannya maupun dari gaya bahasanya. Ditilik dari sudut kelengkapan isi, keindahan sastera, kejelasan erti dan nilai yang dikesankannya, tak ada bandingan dari gubahan manusia lainnya. Lafaz-lafaz yang dari Nabi S.A.W. itu merupakan salah satu dari tandatanda kebesaran Allah S.W.T.
2. Kata-kata gubaan manusia biasa, sekalipun ia ulama, seringkali berlebih-lebihan atau sebaliknya terlalu singkat. Hal ini menjadikan satu persoalan dan boleh diragukan, pada hal kita disuruh oleh Nabi S.A.W. supaya meninggalkan apa-apa yang masih diragukan.

3. Dalam berzikir dengan lafaz-lafaz yang dari Nabi itu terkandung dua ganjaran: iaitu, ganjaran berzikir itu sendiri dan ganjaran kerana mengikuti ajaran/contoh dari Nabi Muhammad S.A.W.

CARA LAIN yang dipakai untuk membangkit kesedaran beragama, menumbuhkan control diri dan mengalahkan nafsu jahat, ialah: menggunakan daftar pertanyaan yang mesti dijawab sendiri oleh yang bersangkutan dengan ya atau tidak/belum pada saat-saat menjelang tidur. Pertanyaan itu antara lain:-

- Adakah anda melakukan sembahyang hari ini dengan berjemah?
 - Apakah anda telah membaca wirid harianmu?
 - Apakah anda telah membaca doa-doa itu?
 - Apakah anda telah mengunjungi salah seorang kawan seperjuangan anda hari ini?
- Dan lain-lain.

PENGUBATAN

Para kader dan pejuang-pejuang kita ini adalah manusia sebagaimana manusia-manusia lainnya. Setiap manusia anak Adam ini tak luput dari kesalahan. Nenek-moyang kita Adam ('alaihissalaam) pernah berbuat dosa. Akan tetapi Adam segera bertaubat dan keranannya beliau diampuni. Sebaliknya Iblis yang telah berdosa, tapi tidak diampuni, lantaran dia tidak mau bertaubat, dia tidak mau menyesali perbuatannya. Iblis enggan dan menolak arahan Allah, ia bongkak dan sombong.

Dosa Adam ('alaihissalaam) bersama isterinya (Hawa) yang disebabkan

kelalaian dan hawa nafsu itu telah diiringinya dengan TAUBAT NASUHA, sehingga mereka diampuni oleh Allah S.W.T. Sementara dosa Iblis yang timbul kerana kedegilan, keangkuhan dan menentang perintah Allah, tidak diampuni, bahkan menyebabkannya jatuh kelembah kehinaan, dan kelak kekal didalam neraka jahannam.

Maka para kader dan pejuang-pejuang Islam kita yang juga tidak sunyi dari gangguan dan rayuan hawa nafsu, sehingga sampai telajak keluar garis dan mengerjakan beberapa kesalahan, maka UBAT penyembuh kesalahan itu tidak lain daripada BERTAUBAT, minta ampun kepada Allah dan berjanji dengan sesungguhnya tidak akan mengulangi kesalahan yang sama. Dan selanjutnya ia melaksanakan kebaikan-kebaikan yang sesuai dengan petunjuk Allah dan Rasul S.A.W.

وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا
فَإِنَّهُ يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ مُتَابًا
(الفرقان : ٦١)

"Dan orang yang bertaubat lalu ia mengerjakan amal saleh maka sesungguhnya dia bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya."

Rasulullah S.A.W. dalam salah satu hadisnya telah bersabda:-

كُلُّ أَبْنَاءِ آدَمَ مُخْطَأٌ وَغَيْرُهُ
الْخَاطَئُونَ التَّوَابُونَ
(الحدیث)

"Setiap anak Adam (manusia) berbuat salah. Dan sebaik-baik orang yang ber salah (berdosa) ialah orang yang bertaubat."

مَنْ سَرَّتْهُ حَسْنَةٌ وَسَأَلَهُ
بِيَثْنَةٍ فَهُوَ مُوْمِنٌ .
(الحادي)

"Barangsiapa yang merasa bangga dengan kebaikannya dan merasa hina kerana kejahanan yang dilakukannya, maka dialah orang yang beriman."

بِيَثْنَةٍ تَسْوَكُ خَيْرٌ
مِنْ حَسْنَةٍ تَعْجِبُكَ .

(علي كرم الله وجهه)

"Suatu kejahanan yang menyedarkanmu, bahawa hal itu jahat, adalah lebih baik daripada suatu kebaikan yang membuatmu ujub (bangga dan tertipu)."

(Saidina 'Ali)

رَبِّمَا فَتَحَ لَكَ بَابُ الطَّاعَةِ
وَمَفَاتِحُ لَكَ بَابُ الْقَبْرِ ،
وَرَبِّمَا قَدَّرَ عَلَيْكَ الْعَصْمَيْةُ
فَكَانَتْ سَبِيلًا فِي الْوَصْولِ
عَصْمَيْةً أُورْثَتْ ذَلِّاً وَانْكِسَارًا
خَيْرٌ مِنْ طَاعَةٍ أُورْثَتْ
عَجْبًا وَاسْتِكْارًا .
(ابن عطاء الله)

"Boleh dijadi dibukakan bagimu pintu taat, tetapi pintu itu tiada terbuka untuk menerimamu. Boleh jadi engkau jatuh kedalam maksiat, tetapi kemaksiatan itu menyebabkan kamu sampai kepada keinsafan. Kemaksiatan yang menimbulkan rasa kehinaan dan rasa terjauh dari masyarakat, justeru lebih baik daripada ketaatan yang membawa kepada ujub dan takabbur."

(Ibnu 'Athaillah)

————— Pandai - pandai —————
tupai melompat jatuh ke tanah juga.

— Pepatah Melayu —

SIRI 2

Tafsir Surah Al-Fatihah

TAFSIR AYAT-AYAT SURAH AL-FATIHAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (١)

1. BIS-MIL-LAA-HIR-RAH-MA-NIR-RAHIM

(Dengan nama ALLAH Yang Amat Pengasih lagi Amat Penyayang)

Ayat yang pertama dari tujuh buah ayat surat Al-Fatihah yang baru kita baca diatas dinamakan "BASMALAH"

"Ulama-'ulama Islam berlain-lainan pendapat mengenai, adakah "BASMALLAH" ini:

(i) Dikira satu ayat daripada awal tiap-tiap 114 surah dalam Al Quraan kecuali surat "Al-baraaah" (Surat Yang ke-9 dalam Juzu' ke-10)?

(ii) Tidak dikira ayat yang termasuk dalam surah Al-Fatihah?

(a) Pendapat-Pendapat 'Ulama

(i) Ada 'Ulama-'ulama Islam berpendapat bahawa "Basmalah" (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) dikira satu daripada ayat-ayat surah Al-Fatihah dan Surah-surah yang lain, selain daripada surah "Al-Baraaah". Diantara mereka ialah:

Sahabat-sahabat Rasulullah seperti; Abu Hurairah, Ali bin Abi Talib, Abdullah ibni Abbas dan Abdullah ibni Umar. Imam Asshafiee dan Imam Ahmad (Hambali) juga mempunyai pendapat yang sama.

(ii) Segolongan daripada 'Ulama-'ulama pula berpendapat bahawa "BASMALAH" adalah satu ayat yang berasingan dari ayat-ayat Al Quraan. Ia di wajuhkan semata-mata untuk menunjuk kepala (permulaan) bagi

tiap-tiap sabuah surah. Dengan kata lain, untuk memisahkan diantara satu surah dengan satu surah yang lain.

'Ulama-'ulama yang berpendapat beginilah diantaranya ialah Imam Malek, Al-Auzaii dan menjadi pendapat yang sah dalam mazhab Abi Hanifah dan yang lain-lain.

Oleh kerana pendapat beginilah mereka tidak membaca "Basmalah" dengan nyaring dalam sembahyang.

(b) Bis-Mil-Laah (Dengan Nama Allah)

Islam mengajar manusia supaya memulakan tiap-tiap pekerjaannya yang baik dengan membaca "Bismillah", iaitu perkataan (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ). Membaca Bismillah ada berkatnya. Disisi ugama, hukum membacanya adalah sunat.

Kalau kita kaji lebih mendalam dari segi kesan perasaan keruhanian, apabila kita menyebut nama Allah, maka kita akan merasa satu keyakinan yang amat mendalam, iaitu kita merasa diri kita sedang dikuasi dan dilindungi oleh Yang Maha Kuasa. Kekuasaan Ny tidak dapat ditandingi oleh sesiapa. Sesuatu tidak akan berlaku, kalau tidaklah dengan kehendak Ny. Dengan menyebut nama ALLAH mudah-mudahan segala yang kita kata, buat dan usaha diberikati dan berjaya.

AR-RAH-MAA-NIR-RAHIM (Yang Amat Pengasih lagi Amat Penyayang)

Ditambah dengan menyebut serta mengingati benar-benar akan sifat-sifat kasih dan sayang Allah kepada hamba-hambanya maka semakin menyerap-resaplah perasaan keyakinan hamba kepada penciptanya.

(c) Siapakah ALLAH?

Kepada orang Mukmin ALLAH ialah nama yang Mahamulia dari zat Yang Maha Suci. Kita percaya Dia ada. Daripada Ny lah kita hidup dan kepada Ny lah kita kembali. Dia kekal buat selama-lamanya.

الحمد لله رب العالمين (2)

2. AL-HAMDU-LIL-LAAHI-RAB-BIL-AALAMIN

(Segala puji-pujian adalah kepunyaan Allah, Pentadbir sekalian alam)

Manusia tidak sunyi memuji dan mengejinya. Ayat ini teges menyata, bahawa segala puji-pujian adalah kepunyaan Allah. Memang itulah hakikatnya yang sebenar. Kalau pun, pada dzahirnya, seorang itu mendapat pujian dari orang lain numun kalau kita selediki pujian itu adalah kepunyaan Allah. Betapa tidak! kalau lauh tidak dengan kehendak Allah, manakan benda yang dipuji dan yang memuji itu ujud di muka bumi ini. Allah yang telah menjadikan mereka, memberi satu-satu keistimewaan, atau kebolehan yang menyebabkan dia mendapat pujian. Bukankah ini bererti ALLAH lah yang mempunyai puji-pujian itu sebenarnya?

(a) Apa arti pujian?

Pujian ialah satu cara, atau keadaan yang diguna bagi melahirkan sesuatu sifat yang baik, yang sempurna, yang menyukakan perasaan yang kena puji. Kecantekan mithalnya, keindahan, kecerdekan, kekuasaan dan lain lagi adalah pujian semuanya.

Allah yang berhak mempunyai puji-pujian itu ialah Rabbul 'Aalamain (رب العالمين) Yang Mentadbir Semasta Alam. Ayat ini menerang ketuhanan Allah dan Keasaan Nya yang hakiki.

(b) Mengenai Ketuhanan

Allah bersifat dengan sifat, Dia tidak berkehendak pertulungan dari sesuatu; tetapi tiap-tiap sesuatu mesti berkehendak kepada Nya. Puji-pujian yang di puji-puji oleh manusia datangnya dari ALLAH. Kalau Allah tidak menjadikan sesuatu untuk makhluk Nya, maka tidaklah akan timbul puji-pujian yang menjadi keagungan manusia khususnya.

(c) Tentang Sifat Tauhid/Keasaan Nya Pula

Tolong perhati sejenak! Seluruh Alam adalah di bawah tadbiran Allah. Kejadian tiap-tiap sesuatu, yang dapat kita saksi dengan mata kepala kita saja telah, sedang dan akan terus menerus berjalan dengan cukup seni peraturan dan perjalannya. Akan terfikirlah kita, tentu ada Yang menjadi dan Yang mentadbir kejadian-kejadian itu semua. Dia mestilah Yang bersifat ASA lagi bersifat Maha kuasa yang mutlak. Kalau tidak, tnetulah perjalanan kejadian-kejadian itu tidak teratur dengan begitu baik dan sempurna sedemikian rupa. Mithalnya, kalau sebuah kapal mempunyai dua kaptennya yang sama mempunyai hak kekuasaan, maka satu masa akan berlakulah perselisihan faham diantara kapten-kapten tadi. Perjalanan kapal yang di pandu oleh dua kapten yang sedang berotelah itu tidak akan selamat. Akhirnya kapal itu akan terkandas dan terus binasa.

(3) الرحمن الرحيم

3. AR-RAH-MAAN-NIR-RAHIM

(Yang Amat Pengasih lagi Amanat Penyayang)

Dua sifat Ketuhanan ini (Ar-rahman dan Ar-rahim) diulang sekali lagi. Ianya sudah pun disebut dalam ayat "Basmalah" dahulu. Hikmatnya untuk menguatkan penjelasan tentang pemberian Allah kepada hamba-hambanya, bahawa Allah bersifat Maha pengasih (الرحمن). Sifat kasih Nya itu tidak kira kepada siapa jua hambanya, tidak kira dia miskin atau kaya, taat atau derhaka, tua atau muda; beriman atau sebaiknya, akan tetapi kasihnya itu hanya didunia yang bersifat fana ini saja. Disamping itu hamba-hambanya diberi ingat tentang sifat Penyayang (الرحيم) Nya pula. Kesayangan Allah kekal buat selama-lamanya. Jadi, hanya hamba-hamba Nya yang beriman dan bertaqwa kepada Nya yang hidup kekal dalam syurga di akhirat kelak buat selama-lamanya akan dapat menikmatinya.

مالك يوم الدين (4)

4. MA-LIKI-YAU-MID-DIN

(Yang Maha Berkuasa pada hari Kiamat)

Ayat ini mengandungi pengertian tentang kepercayaan kepada adannya alam akhirat. Ia juga sebagai penyampai khabar suka dan khabar duka.

Betapa tidak! Pentadbir Alam Semesta jugalah yang berkuasa mutlak. Dia berkuasa di Hari dunia dan Dia juga berkuasa di Hari Akhirat, Hari Kiamat kelak.

(a) Apakah Hari Akhirat/Hari Kiamat?

Ia mengandungi beberapa pengertian.

1. Hari Akhirat Kecil

Apabila berpisah saja nyawa dari badan seseorang berarti dia masuk kealam akhirat kecil. Sejak dari perpisahan nyawa dari badannya berakhirlah juga segala urusan keduniaannya.

2. Hari Akhirat Besar

Hari tiupan sangka kala. Dengan ini hancur binasalah sekalian alam keduniaan yang telah dijadi Allah.

3. Hari Kiamat

Ialah hari Allah membangkit kembali hamba-hambanya dari kubur masing-masing untuk dihimpun di padang mahsyar dan seerusnya dikira amalnya dan diberi balasan pula.

(b) Akan Tetap Berlakukah Hari Akhirat/Kiamat?

(i) Firman Allah: Maksudnya:

"Sesungguhnya Hari Akhirat (Kiamat) ini akan tiba, tidak boleh diraguglagi, tapi kebanyakan manusia tidak percaya."

(Surah Al-Mu'min: Ayat: 59)

(ii) Firman Allah lagi - Maksudnya:

"Demikianlah! sesungguhnya Allah sebenarnya Tuhan, dan Dia yang menghidupkan orang-orang mati, dan sesungguhnya Dia berkuasa atas sesuatu. Hari Akhirat/Kiamat itu mesti datang, tidak ragu-ragu lagi dan Allah membangkitkan orang yang dalam kuburnya. Diantara manusia ada yang membantah Tuhan dengan tidak berdasarkan ilmu pengetahuan, tidak pula pelajaran dan tidak pula kita yang menerangi."

(Surah Al-Hajji; ayat: 6-8)

Perkembangan Falsafah hingga kini tetap sepakat mengakui bahawa semua yang didalam alam ini tidak kekal, pada akhirnya ia binasa dan musnah.

Pengetahuan Sain juga berpendapat hukum alam yang sama; iaitu mula-mula ia jadi kemudian berkembang dan akhirnya ia musnah.

Tetapi agama Islam sudah lama menerang hukum yang baru saja diakui oleh perkembangan falsafah dan Sain itu. Hal ini disebut oleh ayat Al Quraan. Maksudnya:

"Semua orang dan apa-apa yang ada diatas bumi akan musnah binasa. Sedang yang kekal hanya ZAT Tuhan mu yang mempunyai sifat kebesaran dan kemuliaan.

(Surah Ar-rahman ayat: 26-27)

Demikianlah Al Quraan menggambarkan dengan sebuah daripada beberapa ayat-ayatnya mengenai Hari Akhirat/Hari Kiamat. Apa yang terjadi kepada manusia pada Hari Akhirat/Hari Kiamat, baik yang merupa ganjaran baik maupun mengenai balasan seksa, semuanya ditentu oleh Allah, Pemilik Hari Dunia dan Akhirat.

Dengan itu, iman terhadap hari pengadilan, Hari Kiamat mestilah menjadi alasan yang terkuat bagi manusia, untuk mencari kesempurnaan hidup yang diredhai Allah dimuka bumi ini, untuk membolehkannya menjadi hamba Allah yang mendapat rahmat Nya dialam Akhirat kelak.

Tadi kita telah katakan ayat yang ke-4 ini juga sebagai pemberi khabar suka dan khabar duka.

Mari kita berfikir sejenak. Kita telah yakin, bahawa Allah lah Yang Berkuasa atau Menterbit Hari Akhirat/Hari Kiamat. Dialah yang berkuasa memberi apa jua balasan kepada hamba-hamba Nya di hari Kiamat, Hari Pembalasan itu. Sedangkan dalam Al Quraan banyak ayat-ayat firman Allah menyebut berbagai-bagai kebahagiaan (pahala) dan penderitaan (dosa) yang akan dialami manusia diakhirat. Kehidupan dalam akhirat adalah berlainan sekali dengan penghidupan kita di dunia ini, kalau pun ada persamaan hanya pada nama-namanya saja.

Ikutilah maksud firman Allah yang berikut ini berhubung dengan khabar suka yang diwahyu Allah yang bersifat (Maliki-Yau-Mid-diin) itu.

"Bagi orang yang takut akan penderian Tuhan nya (orang yang taat kepada Allah), dia diberi dua taman syurga kesenangan. Maka nikmat Tuhan manakah yang engkau dustakan? Kedua-duanya penuh dengan dahan-dahan terbesar. Maka nikmat Tuhan yang manakah engkau dustakan? Dalam kedua-duetunya ada dua buah mata air yang mengalir. Maka nikmat Tuhan yang manakah engkau dustakan? Dalam keduanya aneka-warna buah-buahan sepasang-sepasang. Maka nikmat Tuhan yang manakah engkau dustakan? Penghuni syurga duduk bersandar diatas hampanan yang sebelah dalamnya terbuat dari sutera, dan dekatlah buah-buahan kedua taman itu mudah dipetek.

(Surah Ar-rahman; Ayat: 46-54)

Maksud ayat yang berikut pula menerang khabar duka dari Allah yang bersifat Maha Kuasa di Hari Kiamat itu:

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir (tidak percaya) akan ayat-ayat (firman) kami, nanti kami akan masukkannya kedalam api neraka yang bernyala-nyala. Tiap-tiap kulitnya yang telah hangus terbakar itu akan kami gantikan dengan kulit baru (yang lain), supaya mereka kekal - dapat merasai pedehnya siksaan api neraka itu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Gagah, Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(An-Nisa'; ayat: 56)

Bersambung keluaran Al-Huda No. 22



Pengaluan bebas dan perkara yang tak diungkap berlaku di kota-kota dalam hidup Jutaan Manusia.

Sambungan dari Al-Huda No. 20

BEBERAPA TANTANGAN TERHADAP UMMAT ISLAM DIMASA KINI

(Oleh: Prof. Dr. Hamka)

6. PEMERINTAHAN SUKARNO MEMBOLEHKAN PERKEMBANGAN SEGALA MACAM ISME, KECUALI ISLAM

Sukarno tidak berkeberatan berangkul-rangkulan dengan Komunis,

asal Islam jangan tampil kemuka.

Perjuangan di Konstituante adalah saksi yang nyata tentang secularisme yang bererti menecilkan Islam. Seketika Front Islam memperjuangkan agar ditambahkan pada U.U.D. kalimat Piagam

Djakarta: "Dengan kewajiban menjalankan syari'at Islam bagi pemeluknya" sebagai ayat 8. dari Negara berdasar Ketuhanan Yang Maha Esa, maka seluruh ideologi, seluruh golongan dan parti, sejak P.K.I. sampai P.N.I. sampai P.S.I., dan sampai Parkindo dan Parti Katholik, Partindo dan Murba, dn IP-KI, bersatu menolaknya. Artinya segala ideologi boleh berkembang dan boleh dicubakan, cuma satu yang disoroti selalu dan dipandang berbahaya selalu, iaitu ideologi Islam yang jantan, yang konsekuensi hendak menegakkan Sunnah Nabi.

Kalian boleh menyebut Islam, tetapi jangan Islam yang diajarkan Rasul, jangan Daulah Islamiyah, jangan syari'at Islam. Dan kalian boleh juga duduk dalam pemerintahan, asal Islam itu kalian simpan, jangan kalian perjuangkan. Hendak harta, kami beri harta, hendak pangkat kami beri pangkat, tetapi kekuasaan tidak ada ditangan kalian.

Inilah Secularisme.

7. SECULARISME PADA ZAMAN SEKARANG TELAH MENJADI SATU MACAM AGAMA

Setelah tiba zaman post-Sukarno, setelah P.K.I. dapat dilumpuhkan, timbulah suara baru, iaitu suara modernisasi. Soal inipun diributkan. Padahal siapakah bangsa Indonesia yang tidak menyukai modernisasi? Maka yang lebih dahulu mendapat tuduhan anti-modernisasi ialah Ummat Islam atau Agama Islam.

Instinct manusia pasti percaya kepada keghaiban. Setelah orang menolak Islam yang dinamis dan militant itu, orang menyalurkan rasa keghaiban-

nya dalam secularismnya itu dengan jalan lain. Maka timbulah upacara tirakat kekuburan, ke Kalibata atau Semaki. Memasang lilin pukul 12 malam, bertafakkur dihadapan kubruan dan meminta pengestu. Timbulah upacara berdoa secara Islam, secara Kristen, secara Katholik dan secara Hindu Bali. Timbulah hari raya "Toleransi" berdoa cara Islam, sembahyang cara Kristen dan semadi cara Hindu Bali dalam "Halal bi Halal" gabungan. Dan akan banyaklah timbul lagi cara-cara lain, sehingga secularisme itu menjadi satu macam agama, untuk sebagai pengganti Agama Islam yang ditakuti, kerana menurut ajaran Kolonial, Islam itu berbahaya. Dia adalah Ekstrim Kanan.

Mulailah dianggap berbahaya orang yang mentafsirkan syahadat; "Lailaha illalallah." Mulailah dianggap memecah persatuan, barang siapa yang menafsirkan Suratul-Ikhlas. Padahal Negara dikatakan berdasarkan Pancasila. Selalu ditugaskan supaya orang mengamalkan dan mengamankan Pancasila, tetapi barang siapa yang konsekuensi bertahan pada Tauhid, Ke-Esaan Allah, Ketuhanan Yang Maha Esa, satu waktu akan dapat dituduh Anti-Pancasila. Dan orang yang mengatakan bahawa Tuhan itu adalah tiga dalam satu dan satu dalam tiga, itulah pokok yang dianggap Pancasila sejati.

8. KEMAKSIATAN ADALAH PENGARUH DARI PENJAJAHAN IDEOLOGI

Bertebarnya kemaksiatan sekarang ini, adalah pengaruh daripada Penjajahan Ideologi juga. Christianism dengan Zionism bersatu menghadapi Islam yang sedang bangkit ini. Saya baca buku "At-

tabsir wal isti'mar" karang Dr. Omar Farrucki; salah satu idea dari penjajahan. Ideologi ini ialah, kalau kiranya kaum Muslimin itu tidak juga mau menukar agamanya, hendaklah diusahakan agar mereka jauh dari Islam. Yang terutama sekali hendaklah rosakkan mentalnya. Rosakkan akhlaknya.

Filem-filem porno, pakaian mini, gerakan beatle dan hippies, yang jadi sasaran adalah pemuda. Keruntuhan akhlak dalam 10 tahun yang akhir ini sangatlah menjolok mata. Menjalar kehancuran akhlak itu sejak dari Eropah dan Amerika, pemuda-pemuda menghisap ganja, menghisap marijuana.

Berembus dengan kencang ke tanah air kita, kerana pemuda Eropah dan Amerika telah bebas dalam pergaulan muda dengan mudinya; kitapun harus bebas pula. Mulailah dikota-kota besar seperti Jakarta, Surabaya, Bandung dan lain-lain menjalar pergaulan bebas, lebih dahulu beanak sebelum kahwin. Ada anak dalam perut, sebab itu dinikahkan saja.

Di Jakarta sudah mulai terdengar satu gagasan dari orang-orang terkemuka agar penilaian moral, akhlak dan etika kita dizaman modern ini ditinjau kembali, jangan terlalu terpengaruh oleh agama. Sebab sebagai bangsa merdeka, pemuda-pemudi kita harus dapat menyesuaikan diri dengan bangsa Barat yang telah maju. Di Barat nilai-nilai agama itu sudah tidak diperdulikan lagi. Orang Barat modern tidak ada lagi "uqdah" atau rasa yang mengikat batin, sehingga mereka bermi hidup. Seorang Failasuf bernama Jean Paul Sartre, iaitu seorang Yahudi

mengajarkan filsafah "Wujudiyah" (Existensialism) yang menganjurkan kesedaran atas wujud diri. Kewujudan kita didunia hendaklah dimanfaatkan bagaimana adanya. Filsafat ini lebih extrem lagi dari Komunis yang menciptakannya juga orang Yahudi. Segala ajaran agama, segala nilai-nilai akhlak, moral, mental dan sebaginya itu, hanya dibuat-buat saja oleh manusia untuk MENIADAKAN dirinya YANG ADA. Jika segala nilai itu diperturutkan, kosonglah erti wujud kita didunia. Maka bebaslah orang BERKAWAN, dengan tidak usah BERKAHWIN.

Beberapa orang ahli ilmu jiwa dan ilmu masyarakat telah menyelidiki soal-soal pergaulan laki-laki dan perempuan di Amerika dan Eropah, di negeri-negeri Scandinavia. Sudah mulai menjadi pendapat umum, bahawa perkahwinan adalah satu rintangan bagi hidup. Bergaul saja sesuka hati. Tidak usah kuatir akan beranak, sebab alat-alat pencegah hamil itu sangat maju, baik berupa spiral atau pil, atau bubuk atau kapsul dan lain-lain.

Agama Kristen yang menyebutkan sabda suci Nabi Isa, bahawa melihat saja kepada seseorang perempuan sudahlah zina. Lebih baik mata yang melihat dengan salah itu dikorek saja. Ajaran itu sekarang sudah menjadi tertawaan belaka. Dan setelah ini menjalar ke negeri kita, sudah mulailah pula banyak orang yang tidak mengenal lagi apa yang bernama ZINA. "Kalau kami suka sama suka, apakah masih zina juga?" Pengaruh penjajahan ideologi!

PENYALAHGUNAAN DADAH

Sambungan dari Al-Huda No. 20

Oleh: Dr. Abang Yusuf bin Abang Abdul Razak

Kesan Penyalahgunaan Dadah Terhadap Masyarakat



*Yang banyak sekali melibatkan
diri dengan DADAH
ialah belia remaja.*



Disini saya rasa kita perlu memerhati secara perspective masaalah ketagih dadah dalam masyarakat kita. Sebenarnya masaalah ketagih kepada narkotik, khususnya kepada Candu bukanlah perkara baru. Sejak masa pemerintahan Rajah Brooke dahulu Candu telah diguna secara terbuka. Malah kaum pemerintah dahulu mendapat sebahagian daripada sumber kewangan mereka daripada cukai yang dikenakan atas kemasukan dan pemasaran Candu. Walaupun demikian, masaalah ketagih terhad kepada kaum mendatang, iaitu buruh kasar Cina yang bekerja dalam godang perdagangan, lombong emas dan batu arang dan juga dikalangan pemandu beca tarek.

Golongan tersebut, walaupun ketagih masih lagi dapat menerusi pekerjaan mereka. Kebanyakannya mengambil Candu untuk kesannya yang membolehkan mereka berkerja dengan kuat tanpa merasa penat. Dimasa ini kita masih mendapati generasi lama yang ketagih dengan candu dikalangan mereka yang menginap dirumah untuk orang tua (Home for the Aged). Jika kita selidiki latar belakang kehidupan mereka, nam-pak jelas sekali mereka telah mensiasiakan masa, tenaga dan segala usaha mereka dimasa muda semata-mata untuk membantu tebiat ketagihan mereka. Kebanyakannya hidup membujang sampai tua kerana tidak mampu atau berkesempatan untuk berumahtangga disebabkan ketagihan mereka.

Dipenghujung tahun enam puluhan, timbul dikalangan belia kita yang tidak mempunyai prinsip dan matlamat hidup yang teguh dikalangan masyarakat yang sedang mengalami perubahan yang pesat selaras dengan pembangunan dalam

negeri selepas mencapai kemerdekaan. Golongan belia ini gagal menyambung persekolahan selepas Primary Six tetapi tidak juga dapat mencari apa-apa pekerjaan kerana belum cukup umur. Bagi mereka diluar bandar, mereka biasanya menglibatkan diri dalam beberapa perusahaan pertanian. Tetapi mereka dalam bandar, kebanyakannya hidup terbiar, bosan dan hampa. Untuk menjadi hiburan, mereka menonton wayang dan mengikuti perkembangan kebudayaan "Pop" dari Barat dan menyimpan rambut panjang, memakai seluar ketat dan sebagainya. Apabila diketahui penyanyi pujaan mereka seperti "The Beatles", "The Rolling Stones", "The Monkees" dan banyak lagi yang lain terlibat mengambil dadah, timbul keinginan dikalangan mereka untuk mencuba. Mereka mengambil Candu kerana senang didapati dalam pasaran. Selepas candu, meningkat kepada penggunaan morphine dan seterusnya heroin dan juga beberapa dadah lain seperti ganja, mix pills dan barbiturates. Kebanyakannya penagih baru dimasa ini menggunakan morphine atau heroin terus menerus hasil dorongan kumpulan yang awal tadi.

Kesan yang nyata terhadap masyarakat oleh golongan ketagih ialah keruntuhan akhlak yang begitu berlanjut di kalangan mereka. Ini mengancam susunan dan tata-tertib masyarakat kita. Mereka tidak menghormati orang tua mereka, seperti mana yang dikhususkan oleh tradisi kita. Malah mereka tidak menghormati kuasa undang-undang, seperti yang jelas kita lihat dalam kecurian, perompakan dan penipuan yang mereka lakukan. Tetapi apa yang sangat membimbangkan ialah timbulnya gejala baru dikalangan ketagih yang telah lama

dan teruk sekali, dimana sikap bertanggungjawab kepada Tuhan mulai hilang. Mereka sanggup bersumpah atas nama Allah tanpa gentar walaupun mereka berbohong.

Kesan yang lain perlu kita perhati ialah terhadap ekonomi masyarakat kita. Untuk membiayai tabiat ketagih menglibatkan pembelanjaan yang banyak. Ini adalah perbelanjaan yang membazir. Seorang ketagih membelanjakan sekurang-kurangnya \$10/- sehari. Ada banyak yang membelanjakan \$30/- atau \$40/- sehari. Jika 1,000 orang ketagih dalam masyarakat kita, ini adalah jumlah

TABIAT KETAGIH
MENGUBANKAN PERBELANJAAN.
SEKURANG-KURANG \$10/-
SEHARI SETIAP SEORANG
PENAGIH.

yang besar. Seluruh anggota masyarakat mendapat kerugian menerusi harta benda yang dicuri oleh golongan ketagih. Saya pernah bertemu ketagih dari keluarga Bumiputra yang berada yang membelanjakan hingga \$200 seharai untuk dadah. Walaupun ini merupakan kerugian satu keluarga sahaja dan tidak melibat orang lain, tetapi secara kebatulan keluarga ini diberi peluang perniagaan oleh pihak kerajaan menurut Dasar Ekonomi Baru untuk meninggikan taraf ekonomi Bumiputra, maka seluruh masyarakat juga merasa kerujian jika beliau yang kita harap membantu masyarakat kita dimasa hadapan tidak dapat mencapai kejayaan. Saya juga pernah bertemu seorang ketagih yang menghabiskan segala keu-

tungan dari perniagaan motorkar 'second' licence quota yang diberikan kepadanya menurut dasar ekonomi tersebut tadi.

Satu lagi kesan yang perlu kita fikirkan ialah kesan terhadap kuasa politik kita. Keadaan kita di Sarawak ini agak genting memandangkan golongan kita adalah golongan yang minoriti. Jika telah banyak jenerasi baru kita terjerumus menjadi ketagih yang telah runtuh akhlak dan pendirian keugamaan mereka dan dalam keadaan kemiskinan, maka menjadi mudah perpaduan dan seterusnya kuasa politik kita dipecahkan oleh golongan lain. Jika kuasa ini telah terlepas, kemungkinan tidak dapat lagi jenerasi-jenerasi baru kita mendapatinya. Jika ini berlaku, akibatnya terhadap bangsa kita boleh dibayangkan mengikut apa yang telah terjadi dinegara lain dalam sejarah.

Rawatan dan Pemulihan

Pada masa ini kita belum lagi mempunyai pusat pemulihan yang lengkap seperti yang ada di Semenanjung Malaysia. Apa yang ada disini cuma rawatan diperingkat awal atau deteksifikasi yang berpusat di Hospital Sakit Otak, Batu 7, Kuching.

Deteksifikasi bermaksud menghilangkan kesan dadah narkotik dalam anggota badan penagih. Seperti yang kita jelaskan dahulu, dalam keadaan ketagih, anggota badan penagih tidak dapat menjalankan fungsi-fungsi normal tanpa adanya dadah narkotik dalam saluran darahnya. Kalau peninggalan dilanjutkan maka timbulah keadaan 'gian' dimana penagih merasa bimbang dan gelisah untuk mendapatkan bekalan

baru. Jika dilanjutkan lagi keadaan bimbang akan meningkat-meningkat perasaan ketakutan dan huru hara kerana timbul pula beberapa tanda-tanda fizikal mengikut jarak jangkamasa tertentu.

Bagi penagih condur, morphine dan heroin, tanda-tanda yang awal timbul ialah perasaan lemah dan mengantuk. Setelah 3 hingga 6 jam, penagih merasa penat dikalangan sendi-sendi dan otot-otot yang besar seperti di peha dan kaki. Ini diikuti pula oleh bisa dalam tulang diseluruh badan dan kepala, hidung dan mata berair seperti dalam keadaan selsema. Setelah kira-kira 8 jam, timbul pula perasaan bisa perut disertakan dengan perasaan hendak muntah, demam dan keadaan susah hendak tidur. Selepas 12 jam penagih didapati bergegar atau menunjukkan pergerakkan otot-otot kecil yang tidak dapat dihentikan, naik bulu romba seperti kulit ayam yang telah dicabutkan bulu, dan buang air besar yang keterlaluan hingga sampai 5 atau 6 kali sehari. Tanda-tanda ini berlanjut hingga 3 atau 4 hari. Ada kalanya penagih masih merasakan tanda-tanda ini samppai 1 minggu selepas meninggalkan pembekalan dadah.

Dalam hospital, kita memberi rawatan untuk sekurang kurangnya 3 minggu. Tiap tanda-tanda yang timbul diredukan dengan memberi ubat-ubat yang tertentu. Kita juga memberi nasihat secara psikologi untuk meninggikan keazaman penagih memberhentikan amalannya. Selepas keluar dari hospital, bekas penagih lazimnya mendapat rawatan lanjut sebagai pesakit luar diklinik kerajaan atau berjumpa pegawai-pegawai dari Kementerian Kebajikan untuk penyelian lanjut. Malangnya penagih tidak hadir diklinik-klinik dan

kebanyaknya mengambil dadah lagi setelah beberapa ketika atas desakan rakan-rakan yang masih ketagih.

Kerajaan merancang penubuhan pusat pemulihan penagih dadah yang tetap ditempat bekas Pusat Tahanan Keselamatan, Batu 6, Kuching. Dalam sistem pemulihan yang tetap, deteksifikasi dan penyeliaan lanjut dikenyalikan ditempat yang sama. Penagih dirawat untuk jangkamasa yang panjang, sekurang-kurangnya 6 bulan. Jika kemajuan penagih tidak memuaskan, tempoh masa rawatan boleh dilanjutkan lagi. Dalam pusat sedemikian kita harap dapat menyemaikan perasaan tanggungjawab dan azam yang kuat menerusi didikan ugama. Rawatan Psikoloji secara berkumpulan (Group Behaviour Therapy) juga diberikan untuk menukar sikap dan nilai para penagih terhadap diri mereka sendiri.

Tetapi pada hemat saya, kita jangan terlalu mengharapkan dengan bergeraknya pusat pemulihan tetap disini akan menyelesaikan segala masaalah yang bersangkutan dengan penagih. Di Semenanjung Malaysia, dimana pusat pemulihan tetap telah bergerak beberapa tahun yang lalu, masih dapat terdengar berita penagih yang telah menerima rawatan dan pemulihan selama satu atau dua tahun menjadi ketagih lagi setelah keluar dari pusat tersebut. Di Amerika Syarikat, dimana wang, tempat dan kakitangan yang mahir tidak menjadi masalah untuk mengendalikan sistem pemulihan, hingga kehari ini masih belum lagi dapat membentuk satu sistem rawatan yang boleh memberikan kadar pemulihan yang benar-benar berkesan seperti yang dapat dibuat untuk penyakit fizikal yang lain. Peringkat tinggi

teknologi perubatan dinegara negara Barat mulai mencapai kejayaan dalam rawatan untuk beberapa jenis penyakit barah (cancer) dan mungkin tidak lama lagi menyelesaikan jenis yang lain. Tetapi bagi penyakit sosial seperti ketagihan dadah, kaki botol (alcoholism), perjudian dan sebagainya, menggunakan pengetahuan teknologi sahaja semakin jelas tidak berupaya memberi penyelesaian yang nyata.

Untuk renungan bersama, kita harus memahami bahawa dalam penyakit sosial, dimana sikap dan kelalaian seseorang menjadi faktor yang penting dalam pembentukan penyakit tersebut, kita jangan cuma mengharapkan teknologi perubatan sahaja. Kita mempunyai suatu senjata lain untuk mengatasi masaalah begini. Iaitu keteguhan sifat berugama dan iman kita terhadap Allah. Jika masyarakat kita berpegang teguh kepada ajaran Islam, masaalah ketagihan tidak akan timbul sepetimana Islam dapat mengatasi masaalah 'alcoholism' dan perjudian. Mendalamkan pengetahuan dan amalan ugama Islam dikalangan jenerasi muda kita adalah benteng pertahanan yang cukup untuk melindungi golongan kita yang terancam ini daripada ketagihan dadah dan juga berbagai penyakit sosial yang lain. Saudara-saudara dalam pertubuhan B.I.N.A. mempunyai peranan yang penting dalam usaha untuk mencapai matlamat ini.

Kita berasib baik kebanyakannya penagih dalam golongan masyarakat kita adalah yang baru ketagih dalam jangkamasa 6 hingga 18 bulan. Mereka dapat dirawati dengan sepenuhnya jika kita sanggup bertindak cepat. Pada pendapat saya, golongan ketagih ini perlu diberi bimbingan ugama yang mendalam semasa diperingkat deteksifikasi dan pemulihan. Selepas keluar didikan ini dilanjutkan lagi hingga mereka menunjukkan sikap yang telah benar-benar berubah dan menjadi rakyat yang bukan saja patuh kepada undang-undang masyarakat dan negara tetapi patuh juga kepada hukum Allah. BINA boleh membantu dalam urusan ini dipusat pemulihannya sendiri dengan menggunakan pertolongan pihak perubatan untuk mengatasi masaalah diperingkat deteksifikasi. Dengan cara ini kita dapat merawat jumlah penagih yang lebih banyak lagi dalam satu-satu masa. Saya yakin BINA mempunyai keupayaan untuk mengendalikan sistem rawatan sehaluan dengan yang diselenggarakan oleh pihak Kerajaan seperti yang dilakukan oleh PERKIM di Semenanjung Malaysia dan juga oleh pertubuhan ugama Christian dinegara lain. Saya sanggup berkhidmat secara sukarela, selepas waktu pejabat, untuk tujuan ini jika dikehendaki.



PROSES KEJADIAN MANUSIA

Rencana ini berasal dari
Satu "maqalah" untuk bahan perbincangan
dalam Majlis Pengajian USRAH para pencinta
ilmu di Surau Ibu Pejabat BINA Lot 87-89
Jalan Rubber Kuching, Pada 29hb R'Awal
1402 (25hb Januari, 1982).

"Bismillahirrahmanirrahim"

PROSES KEJADIAN MANUSIA MENURUT AL-QURAN

Disediakan oleh:
Hj. Hasanoeddin Abu Bakar

- A. Pertama-tama Al-Quran memusatkan perhatian kita terhadap perubahan-perubahan yang berturut-turut, yang terjadi terhadap janin selama dalam kandungan:

يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ مَا فَرَّأَتْ
بِرِّبِّكَ الْكَرِيمِ ، الَّذِي
خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ فَعَدَّلَكَ ،



فِي أَيِّ صُورَةٍ مَا شَاءَ رَبُّكَ .

• (الأنفطار: ٦-٧-٨)

"Wahai ummat manusia! Apakah gerangan yang menyebabkan kamu berpaling dari Tuhanmu Yang Maha Pemurah? Yang telah menciptakan kamu (menjadi manusia) yang tegap dan sempurna. (Tahukah kamu) Dia menyusun proses kejadian kamu menurut konsep yg Dia telah kehendaki." (Surah Al-Infithar (82) 6-7-8).

وَقَدْ خَلَقْتُمْ أَطْوَارًا .

• (نوح: ١٤)

"Padahal Dia sesungguhnya telah menjadikan kamu dalam beberapa tingkatan kejadian! (Surah Nuh (71): 14)

- B. Al-Quran menarik perhatian kita terhadap proses seperti perkara-perkara di bawah ini:
- I Untuk pembuahan sedikit saja zat cair yang diperkuakan.
 - II Ciri sperma yang membuatkan.
 - III Pengendapan cel telur didalam kandungan.
 - IV Perkembangan janin di dalam kandungan.
 - I Zat cair yang dimaksud ialah apa yang disebut: "nuthfah". Hal ini disebut didalam Al-Quran tidak kurang dari 12 kali, antara lain dalam surah An-Nahl ayat 4:

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ .

• (النحل: ٤)

"Dia telah menjadikan manusia dari "nuthfah" (setetes sperma)".

Keterangan:
Kata "nuthfah" (نُطْفَةٍ) yang bermakna "Setetes sperma", berasal daripada kata kerja:

نَطَّافَ

yang bermakna: mengucur, menetes, dan juga dapat bererti "bekas yang masih tinggal dalam satu bejana setelah isinya dikeluarkan".

(نُطْفَةٍ) adalah ism nakkirah (indefinite article), yang dapat mengandung makna: sedikit sahaja, setetes air mani.

Al-Quran berkata:

الْمِنْكَ نُطْفَةٌ مِّنْ يَسْنَى

• (القيامة: ٢٧)

"Bukankah kamu (berasal) daripada setetes daripada mani yang dipancarkan?" (Al-Qiyamah: 37).

Sperma itu disimpan disatu tempat yang aman, di sekitar kandungan (rahim).

وَمَا زَرْزَرْهُ
شَمْ جَعْلَنَا

نُطْفَةٌ فِي قَرَارٍ مَكِينٍ .

• (المومنون: ١٣)

"Kemudian Kami jadikan dia setitik mani ditempat ketetapan yang aman," (Al-Mu'minun: 13)

Keterangan:

قرار () - tempat ketetapan (tempat diam)

مَكِين () - aman, serasi dan stabil.

- II Ciri sperma yang membawaikan:
a) Mani (sperm): surah Al-Qiyamah: 37
b) Maun da-fiq: zat cair yang mengucur (Ath-Thariq:6)

خُلُقٌ مِّنْ مَا إِنَّ رَأَيْتِ

• (الطارى: ٦)

"Dijadikan dia daripada air yang terpancar (mengucur).

مَا مَهِينٌ

- (c) Ma-un mahiin ()
- air yang hina (lemah), air tumpahan. Surah Al-Mursalaat (77): 20:

إِنَّمَا تَخْلُقُكُم مِّنْ مَا مَهِينٌ

• (المرسلات: ٢٠)

"Bukankah Kami telah jadikan kamu daripada air yang hina (lemah)?"

- d) Amsyaj ()
- air campuran. Surah Al-Insan (76): 2.

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ

نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ .

• (الإنسان: ٢)

"Kami ciptakan manusia itu daripada sperma yang bercampur."

Keterangan:

Jadi "nuthfah" itu dapat bererti: air yang mengucur (terpancar), tertumpah, yaitu keluar melalui saluran kencing (urethra).

أَمْشَاجٍ () - campuran.

Menurut Prof. Hamidullah, ialah campuran antara unsur-unsur dari pihak laki-laki dan unsur-unsur dari pihak perempuan. Dr. Ronald Ericsson, seorang Fysiologist Amerika, telah berhasil menemukan dan menyisihkan cel-cel benih laki-laki (Y) dengan cel-cel benih perempuan (X). Telah pernah di cubakan kepada kelinci; daripada 184 kelahiran, tidak ada yang cacat.

الْأَلْقَةُ - sesuatu yang dikeluarkan = daripada yang lain = satu bahagian yang terbaik.

Itulah dia satu cel yang sangat kecil sekali, panjang lebih kurang 1/10.000 m.m. Daripada jutaan sel-sel yang keluar daripada seorang laki-laki yang normal, hanya satu cel sajalah yang membuatkan cel telur didalam rahim seorang perempuan.

III Pengendapan cel telur, didalam kandungan (rahim perempuan)

Maksudnya: Masuknya cel telur ke dalam kandungan setelah melalui masa kemasakannya.

Al-Quran berkata: (Surah Al-Hajji: 5) •

وَنَقَرَّ فِي الْأَرْحَامِ

مَانِشًا إِلَى أَجْلٍ مَسْعُوٍّ

• (الحج: ٢)

"Kemudian, kami tempatkan didalam rahim apa yang kami kehendaki, sampai waktu yang tertentu."

Keterangan:

Cel itu harus mendapatkan bantuan (makanan, dan sebagainya) dari rahim. Bantuan inilah yang menyebabkan cel itu tergantung kepada rahim.

(علقة) mengan-
dung arti daripada kata kerja:

(علق) ma'nanya,
bergantung.

Kata "alaq" atau "alaqah" ini terdapat didalam Al-Quran tidak kurang dari 5 kali:

1. Al-'alaq: 2
2. Al-Hajji: 5
3. Al-Mu'minun: 14
4. Ghafir: 67
5. Al-Qiyamah: 38

"Alaqah" itu berbentuk seperti segumpal darah, yang tergantung hidupnya pada rahim.

IV Perkembangan janin didalam kandungan (rahim)

Setelah masa ketergantungannya, setelah menjadi seperti segumpal

darah (علقة), janin didalam rahim itu berkembang menjadi seperti segumpal daging

(مضغة). Surah Al-Mu'minun ayat 14 berkata:

شَ خَلَقْنَا النَّطْفَةَ عَلْقَةً ،

فَخَلَقْنَا الْعُلْقَةَ مُضْغَةً ،

فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَمًا ،

فَكَسَوْنَا الْعِظَمَ لَحْمًا ،

شَ اَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا اَخْرَى ،

سَبَّا رَبَّكَ اللَّهُ اَحْسَنَ

الْخَالِقِينَ .

(المؤمنون : ١٤)

"Kemudian air mani itu Kami jadikan seperti segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan seperti segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha Sucilah Allah, Pencipta yang paling baik."

Keterangan:

Mudhghah itu bentuknya hampir sama dengan daging lembut, tetapi bukan daging biasa. Setelah punya kerangka tulang, barulah dia menjadi daging biasa.

Perkembangan janin semenjak dari pada mulai air mani sampailah kepada taraf bertulang dan berdaging didalam rahim, serupa dengan perkembangan binatang (hewan). Akan tetapi setelah itu, seperti diterangkan oleh ayat diatas

(فِيمَا انشَأْنَاهُ خَلَقْنَاهُ آخَرَ)

maka yang dimaksud dengan kejadian yang lain itu, ialah satu taraf kejadian lanjutannya yang khas membawakan bentuk dan sifat-sifat kemanusiaan. Sementara janin binatang didalam kandungan induknya tidak akan berkembang membawakan bentuk dan sifat-sifat manusia, melainkan akan terus menjadi binatang. (Lihat lebih lanjut: Said Quthub jilid 6 muka 17 dan A. Yusuf Ali, volume one, page 876).

Selanjutnya, sewaktu masa perkem-

bangan janin, terdapat bagian yang ternyata tidak serasi dengan perkembangan tubuh selanjutnya. Sebaliknya juga terdapat bagian yang serasi. Inilah yang disebut

مُخْلَقَةٌ (مُخْلَقَةٌ) dalam surat Al-Hajj ayat 5:

... فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ
تُرَابٍ ثُمَّ مِّنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِّنْ عَلْقَةٍ
ثُمَّ مِّنْ مُضْعَةٍ وَمُخْلَقَةٍ وَغَيْرٍ
مُخْلَقَةٌ لِّنَبِيِّنَ لَكُمْ
وَنَقِرَرُ فِي الْأَرْحَامِ مَانِشًا إِلَى
أَجَلٍ مُسْعَىٰ
ثُمَّ نَخْرُجُكُمْ طِفَالًا
... (الحج : ٥)

"..... maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari pada tanah, kemudian dari setetes mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang menjadi (sempurna kejadiannya) dan yang tidak menjadi (tidak sempurna kejadiannya - "anak (jenin) gugur"), agar kami jelaskan kepada kamu, dan kami tetapkan didalam rahim apa yang

Kami kehendaki, hingga satu masa yang tertentu, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai anak (bayi)

Al-Quran juga menunjukkan munculnya pencaindera dan alat-alat tubuh lainnya (As-Sajadah: 19).

ش سواه ونفح
فِي مِنْ رُوحِهِ ،
وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْبَصَارَ
وَالْأَفْئِدَةَ .
• (السجدة: ٩)

"Kemudian ia sempurnakan (kejadiannya) dan ia tiupkan padanya roh (ciptaan)Nya, dan ia jadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan; dan alat-alat tubuh bahagian dalam (sampai kepada yang halus-halus, yang dapat menangkap berbagai kefahaman, perasaan, cinta, kasih d.s.b), yang semua diungkapkan dengan istilah "hati"

(الأَفْئِدَةَ) .

Kata-kata pengganti diri "kamu", tersebut dalam ayat, menunjukkan dengan nyata tentang status manusia, (yang dapat dilawan bicara) setelah ia meningkat taraf perkembangan mendapatkan pendengaran, penglihatan dan hati (taraf ke 4), sementara alat-alat pencaindera termasuk dalam taraf ke 3. (A. Yusuf Ali). Kemudian Al-

Quran menyebut pula terbentuknya jenis laki-laki dan perempuan. Surah An-Najm, ayat 45, 46:

وَاتَّهُ خَلْقَ الرَّوْجِينَ الذَّكَرَ
وَالْأَنْثَى ، مِنْ نُطْفَةٍ إِذَا تَسْنَى .
• (النجم: ٤٦-٤٥)

"Dan bahawa sesungguhnya Dialah yang mencipta berpasang-pasangan, laki-laki dan perempuan, daripada air mani apabila dipancarkan."

Demikian pula dalam surah Al-Qiyamah, ayat 39:

فَجَعَلَ مِنْهُ الرَّوْجِينَ
الذَّكَرُ وَالْأَنْثَى .
• (القيامة: ٣٩)

"Lalu ia jadikan daripada (mani) itu sepasang: laki-laki dan perempuan."

Dalam Surah Faathir ayat 11, Allah menegaskan lagi:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ مِنْ تَرَابٍ شَمْ منْ نُطْفَةٍ
ثُمَّ جَعَلَكُمْ أَزْوَاجًا ،
وَمَا تَحْمِلُ انْثَى
وَلَا تَبْصُرُ الْأَيْمَنَةَ ،

وَمَا يَعْرِمُ مِنْ مَعْرِمٍ لَا يَنْقَصُ مِنْ
 عَمَرٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ ،
 إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ .

(فاطر : ١١)

"Dan Allah menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada air mani, kemudian Dia menjadikan kamu berpasangan (laki-laki dan perempuan). Dan tidaklah ada seorang perempuan mengandung (hamil), dan tidak pula melahirkan, melainkan dengan pengetahuanNYA. Dan sekali-kali tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak pula dikurangi umurnya, melainkan (sudah ditetapkan) dalam Kitab (Luh Mahfuzh). Sesungguhnya yang demikian itu bagi Allah adalah perkara mudah."

NOTA TAMBAHAN

1. **نَفْثَةُ اَشْجَاجٍ** = setetes mani yang bercampur; selain daripada keterangan yang telah disebutkan diatas, dapat pula ditambahkan keterangan dari ahli tafsir modern, penulis "Al-Muntakhab", yang diterbitkan oleh Majlis Tinggi Hal Ehwal Islam di Qahirah, Mesir, yang berpendapat, bahawa sperm yang terpancur itu mendudung banyak unsur-unsur, tetapi tidak diterangkan perinciannya.
- Dr. Maurice Buccaille menyebut dalam bukunya, "The Bible, The

Quran and Science" campuran daripada beberapa ansur yang berasal dari kelenjar-kelenjar seperti berikut:

- a) Testicude, pengeluaran kelenjar alat sex laki-laki yang mengandung spermatozoid, ya'ni sel panjang yang berekor dan berenang dalam cairan serolite.
 - b) Kantong-kantong benih (vesicles seminates); organ ini merupakan tempat menyimpan spermatozoid, tempatnya dekat prostrate, organ ini juga mengeluarkan cairan tetapi cairan ini tidak membuahi.
 - c) Prostrate mengeluarkan cairan yang memberi sifat cream serta bau khusus kepada sperm.
 - d) Kelenjar yang tertempel pada jalan air kencing, kelenjar Cooper atau Mary, mengeluarkan cairan yang melekat dan kelenjar Lettre mengeluarkan semacam lendir pula.
- II. Pengertian

الترَّابُ وَ الصَّلْبُ

(Surah Ath-Thariq: 7)

Dikatakan, bahawa mani itu keluar dari antara "shulbi" dan "Taraib". Kebanyakan ahli tafsir mengertikan: "Shulbi", iaitu tulang punggung lelaki. Kata ini dalam bentuk mufrad (singular), yakni menunjukkan satu. "Taraib", iaitu tulang-tulang dada perempuan. Kata-kata ini dalam bentuk jama'(plural), jadi menunjukkan banyak. Sedangkan menurut kenyataan sampai sekarang, tulang-tulang yang tersebut tidak ada mengeluarkan air mani.

Sebab itu maka Prof. Dr. Maurice Buccaille didalam buku nya tersebut mengemukakan pendapatnya, bahwa mungkin yang dimaksud dengan: "Shulbi", ialah satu bahagian daripada tubuh lelaki, dimana bangkitnya rangsangan sex-uil pada lelaki.

"Tara-bi" pula, ialah beberapa

bahagian daripada tubuh perempuan, dimana rangsangan sex-uil perempuan itu boleh timbul. Pendapat-pendapat daripada pakar-pakar tersebut bolehlah menjadi bahan kajian selanjutnya bagi para ulama scientists Islam.

Sekianlah, Wallahu A'alam.



Daripada tanah, kemudian air mani hingga menjadi manusia yang sempurna.




TAUHID DAN SYIRIK

Sambungan dari Al-Huda No. 20

TAUHID D SYIRIK

OLEH: HASAB



Perubatan cara bergini apakah tentangannya?

B) SYIRIK

1. Didalam Al-Quran dan dalam hadis didapati beratus kali kata-kata yang berasal dripada kata kerja SYARIKA, maknanya berserikat atau bersekutu.

Kalau dalam hadis tersebut di atas Rasulullah telah menegaskan bahwa Allah Maha Esa, tidak ada syarikat (sekutu) bagi-NYA, memang didalam Al-Quran berkali-kali terdapat peringatan, supaya jangan memeprsyarikatkan Allah, antara lain tersebut dalam surah 31 (Lugman). Ayat 13:

لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنْ
• الْشَّرِكُ لِظُلْمٍ عَظِيمٍ

Yang Bermaksud:

"Janganlah kamu sekutukan Allah (dengan sesuatu), sesungguhnya menyekutukan Allah itu (syirik) adalah benar-benar satu kezaliman yang besar."

2. Begitu besarnya dosa syirik itu, sehingga ia merupakan satu dosa yang tak dapat diampuni oleh Allah.
Firman Allah dalam Surah 4 (An-Nisa'), ayat 48:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ لِمَنْ يَسْرِكُ
يَعْوِيغْرِمَادَ وَنَذَلَكَ لِمَنْ يَسْرِكُ ،
وَمَنْ يَسْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَى
أَثْمًا عَظِيمًا 。 (النِّسَاء : ٤٨)

Yang Bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, tetapi Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-NYA. Barang siapa yang memperseketukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar."

3. Jadi memperseketukan Allah dengan sesuatu atau menyamakan Allah dengan alam, baik yang nyata atau ghaib, dari segi zat, sifat, ataupun perbuatan, adalah dihukumkan sebagai Syirik.
4. Sayid Muhammad Rasyid Ridha dalam kitab Tafsir Al-Manar Jilid 2 Muka Surat 55, membahagikan Syirik itu kepada dua bahagian:
Pertama: Yang bersabit dengan ULUHIYAH dan IBADAH, iaitu, manakala seseorang mengiktikadkan bahwa ada yang berserikat dengan Allah dalam menciptakan alam semesta ini, atau ada yang membantu pekerjaan-NYA, walau bagaimanapun kecilnya bentuk dan jenis bantuan itu. Dalam pada itu, dia menyembah pula kepada selain Allah, memohon do'a atau meminta syafa'at dan pertolongan bukan kepada Allah semata-mata, tapi juga kepada yang dianggapnya sebagai orang yang dekat kepada Allah, benda atau orang keramat atau waliyullah, terutama pada sa'at dia sedang menghadapi bahaya, atau pada waktu dia hendak merebut sesuatu kepentingan yang mendesak.
Kedua: Yang bersangkut dengan RUBUBIYAH, iaitu apabila seseorang mengiktikadkan, bahwa

Allah mencipta dan mentadbir alam semesta ini bersama-sama dengan sekutu-NYA, atau apabila seseorang mengambil landasan dan pegangan dalam pelaksanaan ibadahnya atau untuk sebagai panduan hidupnya ialah hukum-hukum dan ajaran-ajaran yang bukan daripada Allah, seperti mana yang telah diwahyukan-NYA kepada Rasul-rasulNYA. Dia lebih suka berpedoman kepada kata-kata atau pendapat-pendapat sebagai hasil buah fikiran daripada manusia-manusia yang dianggapnya orang-orang besar dan berkalibar, seperti pendeta-pendeta atau pemuka-pemuka agama dan para ahli filsafat kemanan. Sebaliknya dia ketepikan ajaran dan hukum yang datang dari Allah dan Rasul.

Perhatikanlah Firman-firman Allah berikut:

a) Surah 9 (At-Taubah), ayat 31:

اَتَخْدُ وَا اَحْبَارَهُمْ وَرَهْبَانَهُمْ اَرْبَابًا
مِّنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمُسِيْحَ اَبْنَى
مَرْيَمْ وَمَا اَمْرُوا اَلَّا لَيَعْبُدُوا
اللَّهًا وَاحْدًا لَا إِلَهَ اَلَّا هُوَ
سُبْحَانَهُ هَذَا يُشْرِكُونَ .

• (التوبه : ٣١)

Yang bermaksud:

"Mereka (Yahudi dan Nasrani)

menjadikan orang-orang olimnya dan pendeta-pendetanya sebagai Tuhan selain Allah (ya'ni dengan mematuhi apa saja yang difatwakan oleh mereka, sekalipun bertentangan dengan hukum-hukum Allah) dan juga mereka mempertuhankan Al-Masih putera Maryam, (padahal mereka hanya disuruh menyembah Allah Yang Maha Esa). Tidak ada Tuhan selain Dia. Maha Suci Allah daripada apa yang mereka persekutukan."

b) Surah 4 (An-Nisa'), ayat 60:

اَلْمَتَرَالِيَ الَّذِينَ يَرْجِعُونَ
اَنْهُمْ اَمْنَوْا بِمَا اَنْزَلَ اللَّهُ
وَمَا اَنْزَلَ مِنْ قَبْلِكَ
رَبُّكَ وَنَّ اَنْ يَتَحَاكُمُوا اَنَّكُو اَنَّ
الظَّفُورُ وَقَدْ اَمْرُوا اَنْ يَكْفُرُوا بِهِ،
وَيَرِيدُ الشَّيْطَانُ اَنْ يُضْلِلُهُمْ صَلَالًا
بَعْدَ اَنْ يَنْهَا . . .
• (النساء : ٦٠)

Yang bermaksud:

"Apakah kamu tidak perhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan sebelum kamu? Mereka hendak beriman kepada THAGUT (ya'ni yang selain Allah, atau panduan-panduan hukum hasil ciptaan manusia yang bercanggah dengan hukum Allah), pada hal mereka telah diperintah meninggari thagut itu. Dan syaitan

bermaksud menyesatkan mereka (dengan) penyesatan yang sejauh-jauhnya.”

5. Selain daripada itu ada pula ahli-ahli ilmu Kalam yang melihat soal Syirik itu dari sudut keadaan dan sifatnya. Merupakan membahagikannya juga dalam dua macam:
Pertama: Syirik yang nyata, iaitu yang terang-terangan mempersekuatkan Allah dan menyembah atau beribadah kepada yang selain daripada Allah. Walaupun seseorang mengakui bahawa Allah itu Esa, tetapi jika dalam amalan kehidupannya sehari-hari ia mempercayai kekuasaan atau kekuatan yang lain, yang dianggapnya menentukan terhadap jalan kehidupannya, maka sikap jiwa dan pendirian yang demikian termasuk juga kedalam kategori syirik yang nyata itu. Begitu pula orang-orang yang memperlakukan sebagai Tuhan terhadap benda-benda yang dianggapnya sakti atau yang dianggapnya mempunyai kuasa ghaib atau kuasa batin, yang dipercayainya dapat memberi pertolongan kepadanya, seperti: Makam kuburan, tempat-tempat yang dianggapnya keramat, keris-keris pusaka, cincin-cincin bertuah, jampi-jampi memanggil roh nenek moyang atau roh daripada wali-wali atau kiyai-kiyai untuk diminta pertolongan daripadanya, dan lain-lain sebagainya, semua itu adalah termasuk kepada amalan-amalan syirik yang nyata, yang disebut juga dengan syirik akbar.
Kedua: Syirik Khafi, atau syirik

asghar iaitu: yang bersabit dengan amalan-amalan yang tidak ikhlas, yang dilakukan tidak kerana Allah, akan tetapi kerana hendak mendapat sambutan serta pujian daripada manusia, kerana hendak mendapatkan kedudukan dunia semata-mata. Inilah amalan yang bersifat riya’.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

• اَخْوَفُ مَا اَخَافُ عَلَيْكُمْ :
الشَّرِكُ الْاَصْفَرُ، فَسُئِلَ عَنْهُ ،
فَقَالَ : الرَّبِيعٌ .
رواهـ حـدـ وـ الطـرـانـيـ وـ الـبـهـقـيـ .

Yang bermaksud:

“Sesuatu yang paling aku takuti daripada apa yang aku takut berlaku pada kamu ialah “Syirik asghar”. Maka setelah ditanyakan kepada beliau tentang syirik asghar itu, beliau menjawab: “Riya” (riwayat Imah Ahmad, Thabrani dan Baihaqi).

Satu contoh lain yang termasuk kepada syirik tersebut: Seorang yang sudah bertahun-tahun menderita sakit, berubat kepada doktor, bahkan beberapa orang doktor, tapi tidak juga sembuh. Akhirnya dia minta tolong kepada dukun, rupanya dapat sembuh. Lalu dia percaya, bahwa kalaular tidak kerana pertolongan dukun itu, penyakitnya tidak akan sembuh selama-lamanya.

(Bersambung Al-Huda Keluaran akan datang, insyaallah)

GEMBALA

KISAH SEORANG GEMBALA

(Oleh Hasab)

Arkian, maka tersebutlah sebuah kisah kejadian dizaman AMIRUL MUKMININ, UMAR BIN KHATAB radhialluhuhanhu. Pada suatu kali Baginda, diiringi oleh beberapa orang pegawai, pergi melawat kawasan luar bandar secara tidak resmi, bahkan hanya dengan memakai pakaian orang awam yang sederhana. Demikian juga pegawai-pegawai pengiring tidak ada yang memakai pakaian seragamnya. Rombongan Baginda yang tidak ramai itu kelihatan seperti rombongan orang biasa sahaja.

Adapun maksud Baginda melakukan



lawatan yang seperti itu ialah untuk melihat kenyataan yang sebenarnya, dengan secara mengejut, sehingga tak ada kesempatan bagi pegawai-pegawai daerah untuk mempersiapkan acara-acara penyambutan, ataupun menyediakan pertunjukan beberapa projek yang boleh dibanggakan terhadap Baginda.

Baginda dapat berjalan dengan bebas tanpa sesuatu protokol pun. Baginda boleh melihat dengan mata-kepala sendiri keadaan penghidupan rakyat, yang berasib baik maupun yang kurang berasib baik, dengan sewajarnya. Baginda dapat memperhatikan sendiri tentang sikap dan tingkah laku rakyat dalam hidup bersendirian dan bermasyarakat. Bahkan Baginda dapat menguji sendiri tentang keimanan rakyat dalam Agama (Islam).

Syahdan, maka sampailah Baginda kesuatu lembah yang terpencil. Disitu Baginda melihat sekumpulan ternakan kambing yang beratus banyaknya. Kambing-kambing itu sedang digiring oleh seorang budak gembala; rupanya hendak dibawa kembali kekandang, kerana hari pun sudah berembang petang.

Baginda pun datang menghampiri budak gembala itu. Lalu terjadilah percakapan sebagai berikut:

— Baginda (B): "Nak, maukah engkau menjual seekor saja daripada kambingmu yang sebanyak itu kepada saya?"

— Gembala (G): "Tuan, kambing-kambing itu bukan saya yang empunya. Saya ini hanya orang gajian untuk menggembalakannya."

— (B): "Bukankah induk-semangmu tidak akan tahu, kalau hanya seekor sahaja yang engkau boleh jualkan?"

— (G): "Ya tapi aku tidak berani."

— (B): "Bukankah tuan empunya kam-

bing itu tidak akan menghitung kambing yang sebanyak itu satu persatu. Lagi pula ia telah mempercayakan semuanya kepada engkau sendiri."

— (G): (Dengan muka yang jernih mengajukan soal kepada Baginda): "fa ainallah?", maksudnya: "kalau begitu, dimanakah Allah?"

Sejurus mendengar perkataan yang terakhir yang berbentuk pertanyaan yang keluar dari mulut seorang budak gembala kambing, kelihatan berlinang air mata Baginda, menadah kelangit, bersyukur kehadrat Ilahi Rabbi. Iman yang sebenarnya, alhamdulillah, telah masuk kedalam hati sanubari rakyat, hatta sampai kepada seorang anak gembala kambing yang buta huruf.

Kalau bukanlah sigembala itu beriman kepada Allah Yang Maha Melihat, Maha Mengetahui akan segala perbuatannya, maka tentulah dengan mudah ia dapat menjualkan kambing gembalaannya itu. Tetapi ia tahu, ia sedar, bahwa Allah ada bersamanya, dimana jua pun ia berada. Allah sentiasa melihat apa-apa yang ia kerjakan. Hal yang demikian telah diyakininya daripada wahyu Illahi sendiri, sebagaimana yang tersebut didalam Surah 57 (Al-Hadid), ayat 4:

... وَهُوَ مَعْلُومٌ إِنَّمَا كُنْتَ تَرَى
وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ
الْحَدِيدَ (٤)

"..... dan ia (Allah) beserta kamu dimana saja kamu berada; dan Allah melihat apa-apa yang kamu kerjakan."

Ucapan kalimah "LA ILAHA IL-LALLAH" sungguh termateri didalam kalbunya.

Bukankah dengan demikian ia telah berikrar menyatakan dan menyakini,
— bahwa tidak ada yang patut disembah, melainkan Allah,
— bahwa tidak ada tempat takut, kecuali hanya kepada Allah.

Ia takut, ia tidak berani menjual kambing kepunyaan orang lain tanpa izinya, sekalipun yang empunya tidak melihatnya. Ia takut kepada Allah, yang telah melarang perbuatan khianat itu. Bukankah ia telah dipercayai oleh tuannya untuk memelihara dan menjaga kambingnya. Ia merasa memikul amanat. Dan amanat orang tidak boleh disia-siakan. Mensia-siakan satu amanat berarti khianat. Khianat adalah sifat yang tercela. Orang yang pernah berkhanat, tidak akan mendapatkan kepercayaan lagi. "Setali pembeli kemeyyan, sekupang pembeli ketaya," "Sekali lancung kejujian, seumur hidup orang tak percaya", demikian akibatnya dalam kehidupan diatas dunia. Betapa pula keadaannya nanti di Akhirat? Sigembala teringat kepada peringatan Nabinya, yaitu Muhammad Rasulullah s.a.w., yang mengatakan:

كُلُّكُمْ رَاعٍ
وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رِعْيَتِهِ .
(الحدیث)

"Setiap kamu adalah penggembala. Dan setiap kamu akan diminta pertanggungan jawab atas gembalaannya"

Diakhirat kelak setiap orang akan dihadapkan kemuka mahkamah, pengadilan Allah 'Azza wa Jalla. Pada waktu itu masing-masing akan disoal, dimana seseorang tidak dapat lagi bertipu telah, sebab semua anggota badannya boleh menjadi saksi menyatakan apa saja yang ia telah lakukan semasa hidupnya diatas dunia. Dalam Surah 16 (An-Nahl), ayat 93, Allah telah menyatakan dengan tegas:

وَلَتَسْتَأْنِنَّ عَمَّا كُنْتَ تَعْمَلُونَ
(النحل: ٩٣)

"Dan sesungguhnya kamu akan ditanya tentang hal sesuatu yang kamu telah kerjakan."

Allah melihat, Allah mendengar, Allah memperhatikan apa saja yang kamu lakukan, sekalipun kamu bersendirian, ataupun hanya berduaan!

Setiap perbuatanmu, setiap perkataanmu akan dirakamkan dan dibuatkan rekodnya oleh "kiraman katibin", ya'ni malaikat yang senantiasa bertugas mencatatkannya, sebagaimana telah dinyatakan oleh Allah dalam Surah 82 (Al-Infithar), ayat 10-12:

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ ،
كَرَامًا كَاتِبِينَ يَعْلَمُونَ
مَا تَفْعَلُونَ .
(الإنفطار: ١٠ - ١٢)

Pada hal sesungguhnya bagi kamu ada malaikat-malaikat yang mengawasi

pekerjaan kamu. Yang mulia disisi Allah, yang mencatit pekerjaan-pekerjaan kamu. Mereka mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Wahyu-wahyu Ilahi yang demikian selalu terngiang-ngiang ditelinga si gembala, peringatan Nabinya tak pernah lupa dari ingatannya.

Ia takut, ia tak berani menyia-
yiakan amanat. Sungguh besar akibatnya;
di dunia dapat menderita sengsara (lahir
ataupun batin); diakhirat dibakar dengan
api neraka.

Demikianlah sekelumit kisah anak
gembala kambing yang beriman. Semoga

para penggembela manusia dalam setiap
peringkat, dalam rumah tangga, dalam
kampung, dalam negeri dan dalam
negara, bahkan dalam peringkat antara
bangsa dan dunia dapatlah hendaklah
memiliki IMAN yang sejati itu, sebagai
satu-satunya alat self control, pengawas
peribadi, bahkan satu-satunya obat "an-
titoxin" terhadap berbagai macam
penyakit batin, seperti "pecah
amanah", korupsi dan lain-lain perbuatan
yang melanggar hukum.

Semoga dapat difikirkan,
direnungkan dan diamalkan.

Wabillahittaufiq walhidayah.

**"Wahai orang-orang yang beriman!
Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan)
hartabenda kamu dan anak-
pinak kamu daripada mengingati Allah
(dengan menjalankan perintahNya). Dan
(ingatlah), sesiapa yang melakukan
demikian, maka mereka
itulah orang-orang yang rugi."**

— Surah al-Munafiquun Ayat 9 —

● Ruang Muslimah

GADIS AMERIKA MEMELUK AGAMA ISLAM

Petikan dari Akhbar Alom Islami Alih bahasa oleh: Ustazah Rohani Awi.

Fikiran yang di sebut Attaslis (menigakan Tuhan) tidak sekali-kali masuk di dalam aqal saya, walaupun telah lama saya mewarisisnya.

Pada 10 Zulhijjah yang lalu bertem-
pat di Pertubuhan Jawatankuasa Fatwa
Al-Azhar Assyarif.

Seorang gadis Amerika berusia 23
tahun duduk di hadapan Al-Syekh Abd-
ullah Al-Musyid, selaku pengurus
jawatankuasa tersebut mengulang-ulangi
ucapan dua kalimah syahadat:

أَشْهِدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَشْهِدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Al-Syekh tersenyum gembira
mendengarkan ucapan yang dilafazkan-
nya itu dengan sepenuh hatinya, fikirannya
dan lisannya, sekali lagi Al-Syekh Abd-
ullah tersenyum lebar ketika di beritahu
Abangnya telah menghubunginya dari
Amerika menyatakan rasa puas hatinya

dengan apa yang di lakukan oleh adiknya
Huda (saudara baru Islam ini) dan dia
juga bakal mengisyitharkan keislamannya
tidak lama lagi. Kerana Huda berkata
dengan sepenuh hatinya dan kata-
katanya itu timbul dari hati nuraninya
sendiri, tidak perlulah bagi kita tertanya-
tanya atau memaksa diri kita supaya
menimbulkan pertanyaan dalam masalah
ini, cukuplah bagi kita mendengar dan
mendengar apa yang di katakan oleh
Huda: "Pada kali pertama saya berada
di Amerika di tahun lalu, saya dan kawan-
kawan saya muslimah yang menutut di
Amerika berkumpul memperbincangkan
masalah-masalah politik dan agama. Per-
cakapan kami menyentuh tentang Islam
sebagai ogama yang suci bagi membim-
bing masyarakat manusia, yang pada
ketika itu juga ramai di antara orang-
orang Eropah dan Amerika memperkatakan bahawa Islam bukanlah
sebagai agama pembimbing bahkan dia
hanyalah agama yang menakut-nakutkan



Huda dengan tekun membaca terjemahan maksud dari kitab suci Al-Quran.

terutamanya dalam perkara-perkara yang berlaku di sekitar politik.

Setelah kembalinya saya di rumah, saya berazam untuk mempelajari Islam, khasnya kerana keluarga saya ada hubungkait dengan Islam, saya pun mula berulang alik ke Pusat Islam di Los Angeles, di sana saya membaca terjemahan maksud-maksud dari kitab suci Al-Quran dan meninjau-ninjau sebahagian dari karangan-karangan mengenai Islam yang menerangkan tentang aqidah, ibadah, dan mua'malah.

Suara Azan Mendebarkan Hati Saya

Pada suatu hari saya mendengar suara azan bergema di Pusat Islam, dia menyeru supaya sembahyang, saya memahami setengah-setengah perkataan dan tidak memahami keseluruhannya. Namun demikian saya merasa satu gegaran besar berlaku di hati saya, dan saya merasa ada satu kuasa baru berbisik di jiwa saya, saya pun memandang kepada Mu'azzin, jelas Beliau dari Pakistan, kemudian saya memerhatikan orang-orang yang sedang menuaikan sembahyang.. Ternyata sebahagian dari mereka datangnya dari negara Arab, dan sebahagian yang lain pula dari negara Timur Asia, manakala yang sebahagian-

nya lagi dari penduduk Amerika itu sendiri. Saya pun berkata dengan diri saya sendiri. Bagaimana mereka boleh berkumpul? Dan bagaimana pula mereka boleh bersatu tujuan? Sedangkan mereka sebelum ini berada di negara-negara mereka yang berselisihan pendapat dan tidak bersetuju di antara satu dengan yang lainnya?"

Huda menambah lagi: "Saya tidak mengetahui sehingga ke hari ini, apakah yang terjadi terhadap diri saya pada ketika itu, dan apakah yang mendorong perasaan saya supaya memerhatikan orang-orang yang mengerjakan sembahyang selama tujuh hari lamanya, selepas hari itu saya benar-benar berubah, dan mengeratkan lagi hubungan saya dengan kawan-kawan saya yang muslimah, kemudian saya mengambil keputusan untuk berangkat ke Mesir bagi mengisyiharkan pengislaman saya dengan tujuan utama untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan Islam di negara Al-Azhar Assyarif."

Kebuntuan Hidup

Gadis Amerika ini menambah kata: "Saya merasa bosan dengan kehidupan dunia Eropah yang berupa kebendaan dan kebuntuan pergaulan di antara orang-orangnya sehingga dalam satu keluarga, anak-anak tiada mengenal kedua ibubapanya kerana semenjak kecilnya di asuh di rumah, asuhan kanak-kanak kemudian di asuh pula di sekolah-sekolah."

Islam Mengagumkan Saya

Huda menceritakan tentang kemuliaan yang menyentuh dirinya di dalam agama suci ini, walau dia baru dalam agama Islam. Dia menegaskan: "Dorongan pertama yang menarik hati

saya ialah hubungan suci di antara Hamba dengan Tuhannya, yang mana di sana tidak ada perantaraan, tidak ada perhitungan, dan tidak ada kelebihan di antara seorang hamba dengan yang lainnya. Pintu Ibadat sentiasa terbuka di hadapan semua, dengan tidak perlu meminta izin dari seseorang manusia pun walau siapa dia itu. Dan aqidah yang kukuh ialah tauhid (Pengesaan). Sesungguhnya fikiran Attaslis (menigakan Tuhan) tidak masuk dalam fikiran saya walaupun satu hari dan yang telah kami warisi sejak dahulu, tetapi Allah tetap tidak akan menjadi tiga. "Wahdaniat" yang lebih jelas lagi ke Asaan Al-Khalik. Dialah suara hakiki yang teragak-agak di dalam hati dan aqal setiap insan, dan Dialah kejadian tabi'e yang sebenarnya yang tidak perlu di ingkari atau di kotori oleh fikiran orang-orang yang menyeleweng atau lain-lain lagi.

Dan yang mengagumkan saya lagi di dalam Islam ialah disiplin anak-anaknya di dalam mengerjakan Ibadat terutamanya sembahyang. Manusia mengerjakan sembahyang lima kali dalam sehari dengan tidak ada paksaan dari seseorang pun Allahumma, kecuali dalam perhatian Allah dan kerana takutkan Rabbul Ibad. Mudah-mudahan ini terbukti di dalam kehidupan spiritual yang dapat dirasakan oleh seorang muslim itu di dalam agamanya. Dan dia akan merasakan juga bahawa tiada satu kuasa pun yang dapat menghukum atau menyusah-susahkannya kerana Allah yang maha tunggal yang menjamin rezeki dan penghidupannya.

Sesungguhnya rezeki, hidup, mati, bahagia, derita, baik dan jahat terletak di dalam kekuasaan Allah yang maha asa.

Wa billahittaufiq wal hidayah.

● Panduan Muslimah

RINGKASAN SEJARAH ISTERI- ISTERI RASULULLAH S.A.W.

Saidatina Aisyah r.a. meriwayatkan. Sedang mereka Isteri-isteri Rasulullah s.a.w. mengajar isteri-isteri para sahabat tentang hukum-hukum agama yang khas untuk mereka (wanita). Tiba-tiba seorang wanita dari golongan Al-Anshar bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang bagaimanakah caracaranya untuk bersuci daripada Haid. Rasulullah pun mengajarnya cara-cara untuk bersuci tersebut, sambil berkata: Ambillah sepotong daripada kasturi dan bersucilah dengannya. Wanita itu bertanya: Bagaimana saya hendak bersuci dengannya? Rasulullah menjawab: Bersucilah dengannya. Wanita itu bertanya lagi: Bagaimana saya akan bersuci dengannya? Dia jawab oleh Rasulullah: Subhanallah bersucilah. Aisyah berkata: Saya pun menarik wanita itu kepada saya dan berkata: Ikutilah kesan darah itu, Rasulullah s.a.w. pun memalingkan mukanya kerana malu untuk menerangkan supaya ia (wanita) itu

meletakkan kapas yang di harumi dengan kasturi di tempat keluar darah Haid itu bagi memperbaiki penyuciannya itu. Dan yang boleh menerangkan maksud sebenar dalam perkara tersebut ialah isteri beliau Aisyah r.a. Yang dimaksudkan di sini ialah bahawa Ummahatulmukminin yang sembilan orang itu (Isteri-isteri Rasulullah) setelah wafatnya Rasulullah alaihissalatu wassalam merekalah yang menggantikan beliau sebagai Guru-guru dan Mufti-mufti yang menerangkan kepada kaum wanita dan kaum laki-laki umatnya tentang apa yang mereka musykilkan dalam hukum syara' dan adab bersuami isteri. Dan mereka inilah contoh ikutan yang sebaik-baiknya.

Wallahu Waliyuttaufik.

Petikan dari,
Majalah Akhbar Alam Islami,
Alih bahasa oleh:
Ummu Nuha.

FATWA

AL-FATWA

Oleh: Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, Mufti Negeri Sarawak

- 1) MENYIMPAN WANG DALAM BANK
SOAL: WANG YANG DISIMPAN
DALAM BANK DENGAN
TIADA MENGAMBIL
BUNGA, PADA HAL KITA
TAHU BANK ITU TENTU
MENJALANKAN WANG
KITA ITU DENGAN
MENGAMBIL BUNGA.

- ADAKAH KITA SALAH
KERANA WANG KITA
ITU?
JAWAB: Tetang Masaalah
MENYIMPAN WANG
DALAM BANK seumpama
saving bank dan lain-
lainnya, kemudian dari
wang simpanan kita itu

kita mendapat sakian keuntungan mengikut banyak dan sedikitnya serta lama masanya wang itu disimpan, maka dalam masaalah ini ada DUA pendapat ulama:-

1. Sebahagian ulama mengatakan bahwa wang keuntungan yang tersebut adalah haram hukumnya kerana yang demikian adalah RIBA iaitu faedah atau keuntungan dari wang yang disimpan itu. Manakala dihukumkan dengan riba maka wajiblah ditolak wang itu dan haram mengambil atau mendapat faedah daripadanya.
2. Ada pula Ulama yang berpendapat bahawa wang keutungan dari wang simpanan kita didalam saving bank itu TIADALAH DAPAT HENDAK DIHUKUMKAN DENGAN RIBA. Diantara ulama-ulama yang berpendapat demikian ialah Shaikh Mohd. Abdur (Mufti Kerajaan Mesir yang meninggal dunia 1964 dalam kitbanya Al-Fatawa). Menurut beliau berkenaan dengan wang simpanan di saving bank atau dimana-mana bank BUKANLAH SEBAGAI RIBA, kerana setelah dipadan dan disesuaikan dengan Hukum Syara' dan Qaidah-Qaidah Fiqah dengan teliti, maka tetaplah wang itu BUKAN RIBA. Antara lain beliau menegaskan: "Kita menyimpan wang dibank itu tiadalah dapat dikatakan, bahawa kita menghutang dan berhutang

kepada Bank, malah kita menyimpan wang itu adalah semata-mata dengan kemahanan dan kesukaan kita sendiri, dengan maksud menyelamatkan wang kita itu dan membiasakan diri berjimat-cermat, sedangkan wang didalam bank adalah dijalankan untuk perniagaan yang berputar diseluruh DUNIA. Jadi hasil yang diterima itu adalah merupakan pemberian yang didasarkan atas TOLONG MENOLONG, tidak ada sebarang penindasan atau pemerasan dalam urusan yang tersebut. PERLU DINYATAKAN: Yang dikatakan RIBA itu ialah hutang piutang yang terdapat didalamnya penindasan atau pemerasan misalnya "berhutang \$100/- dan dipastikan membayarnya lebih dari \$100 dalam tempoh yang tertentu. Menyimpan wang dalam bank bukanlah soal hutang piutang. Banyak lagi hujjah-hujjah yang mengharuskan keuntungan yang tersebut.

KALAU BERDASARKAN KEPADA:

1. Pendapat Yang Pertama; menyimpan wang didalam Bank walaupun kita tidak mengambil FAEDAHNYA sedangkan kita tahu pihak bank menjalankan wang kita dengan mengambil BUNGANYA, adalah salah disis Agama, Kerana menolong atau bekerjasama dengan orang yang mengamalkan perkara yang HARAM adalah haram

juga hukumnya. Kecuali jikalau kerana "Darurat" yakni kerana terpaksa kita mesti menyimpan wang itu didalam bank untuk keselamatan daripada kecurian, kebakaran dan seumpamanya.

2. Pendapat Yang Kedua: Tiadalah ada salahnya kita menyimpan wang didalam bank, malah FAEDAHNYA itu pula adalah HALAL tiada dihukumkan dengan RIBA.

2) JAMUAN DIHARI KEMATIAN

SOAL: APA HÜKUM MENGADAKAN JAMUAN KETIKA TERKENA KEMATIAN?

JAWAB: Jika keluarga yang terkena kematian itu tiada berdaya atau tiada mampu untuk membuat jamuan, sedangkan mereka memaksa dirinya mengadakan jamuan hingga jadi terhutang atau menjadi beban yang berat, maka hukumnya HARAM! * Malahan lebih haram lagi jikalau perbelanjaan itu diambil daripada: -

1. Harta anak Yatim,
2. Harta Si-mati yang ada menanggung hutang.

Jika keluarga itu mampu dan tiada menggunakan harta anak yatim atau tidak daripada harta si-mati yang menanggung hutang, maka hukumnya tetap juga BID'AH MAKRUHAH. *

Sayugia dinyatakan bahawa cara yang dianjurkan oleh Rasulullah (S.A.W.), ialah kaum keluarga atau jiran tetangga memberi pertolongan dan menyediakan makanan kepada keluarga yang terkena kematian.

Keterangan Istilah:

*) HARAM (حرام) iaitu: tegahan atau larangan dalam Islam, yang mana BERDOSA, kalau dikerjakan dan BERPAHALA, kalau ditinggalkan

*) BID'AH (بیداع) iaitu: satu perkara yang diada-adakan atau dibuat-buat didalam Islam.

*) MAKRUHAH (مکرُوهَه) iaitu: yang dibenci.





Sebelah malam pula beramai-ramai bertadarus.

Menyambut Bulan Ramadhan 1407 H

Manusia dan Nafsunya

(Oleh: Hj. Baharuddin Mansur)

Setiap manusia ada nafsunya. Dan Islam diturunkan sebagai agama Allah Swt. untuk membimbing nafsu manusia itu. Sebab tidak semestinya nafsu ditekan atau dimatikan. Tetapi sebaliknya perlu dikawal atau diberi bimbingan, sehingga dalam perjalanan hidup manusia itu, tidak seperti "kambing" yang bila dibiarakan sahaja pergi tanpa "anak gembala", dia



Menghadapi juadah setelah sehari suntuk menahan lapar dan dahaga.

akan bebas diterkam "serigala" atau tersesat dijalanan.

وَمَا أَبْرَى نَفْسِي أَنَّ النَّفْسَ

لَمَارَةٌ بِالسُّوْلَةِ مَارِحِمٌ

وَتَبَيَّنَ أَنَّ رَبِّيْ غَفُورٌ حَمِيمٌ

• (٥٤) .

Allah swt berfirman didalam Al-qur'an Surah Yusuf 54, bersempena dengan kisah Nabi Yusuf as:

"Dan tidak aku (Yusuf) membersihkan diriku, kerana sesungguhnya nafsu menyuruh kepada kejahatan, melainkan orang yang dikasih oleh Tuhan Nya (kerana) sesungguhnya Tuhan itu Pengampun, Penyayang."

Nabi Yusuf as menyatakan (dalam kisah tersebut) bahawa nafsu menyuruh atau mengarahkan kepada berbuat ma'shiat atau kejahatan. Akan tetapi tidak dilakukannya perbuatan ma'shiat itu, tidak diikutinya kehendak nafsunya itu, sebab beliau insaf bila diikutinya nafsu, maka dirinya akan terjerumus kelembah kehinaan dan malapetaka. Dan oleh itulah beliau kawal nafsunya kearah kebaikan mengikuti panduan hidup yang diberikan Allah swt. kepadanya.

Dan ketika Rasulullah saw. diminta oleh seorang belia untuk memberinya izin bagi berbuat zina, maka pada masa itu Rasulullah saw. menyuruh belia itu menghampiri beliau dan kemudian belia berkata: "Apakah engkau rela bila orang berbuat zina atas ibumu? Maka belia itu menjawab: "Tidak, semoga Allah pan-

tangkan perkara itu dariku!" "Demikian pula orang lainpun tidak suka (perkara) itu terjadi atas ibu-ibu mereka." Dan "Bagaimana jika (perkara) itu berlaku atas anak perempuan (anda)". "Tidak, semoga Allah tidak memberlakukan (perkara) itu". (Al Ghazali: Ihya Ulumuddin 2:293).

Demikianlah perasaan manusia itu sama. Dan demikian pulalah suara manusia dan kemanusiaan. orang itu (sama) berpantang akan benda-benda yang haram, tetapi nafsunya (sering) mengarah kepada keburukan itu yang menjadikan dirinya jatuh kelembah kehinaan dan kehancuran.

Tidak terbatas pada perasaan sebagai dinyatakan dalam riwayat itu, tetapi akibatnya, disamping berbahaya buat dirinya sendiri, masyarakat akan turut serta menjadi mangsa keburukan itu, semua akan menderita, termasuk generasi pelapis yang kita harap-harapkan bagi kecemerlangan masa hadapan itu.

Sesungguhnya tiada seorangpun yang berkehendak memiliki keturunan yang cacat akibat perzinahan, atau tiada seorangpun berkehendak memiliki cacat syaraf akibat alkohol, dadah dan lain sebagainya. Akan tetapi manusia masih juga sering ingkar terhadap pemikiran dan fikiran yang sehat itu!

Manusia ini pada hakikatnya: "Menggali lubang kejatuhan sendiri." Sebagaimana Alqur'an menyatakan (Surah Ath-Thalaq 9):

فَذَاقَتْ وِبَالَّ أَمْرِهَا

وَكَانَ عَاقِبَةُ أَمْرِهَا خَسْرًا

• (٩) .

"Lalu ia rasai siksa perbuatannya. Dan adalah akibat urusannya itu kerugian."

Tiada malam yang gelap bagi orang yang cergas memasang api, tiada masa depan yang gelap bagi yang cergas berusaha menyinarkan dan memelihara sinar iman, nur llahy dalam hatinya, dan tiada pula ia menghianati cahaya ilmu dalam akal fikirannya.

Tanpa persiapan, tanpa ketekunan dalam ketaqwaan, kita senantiasa akan menghadapi bahaya, dilaut, didarat, dimasa makmur atau susah, didunia maupun diakherat. Masa lampau yang dipuji, yang dulu pernah dikeji, masa yang kita hadapi dikutuk, sedangkan masa mendatang nampak gelap, mematahkan hati, melemahkan semangat jiwa dan mengaburkan tujuan.

Mestinya kita sama-sama ingat, bahawa kita tidak cukup bertanya kemana kita hendak dibawa arus zaman ini. Tetapi marilah kita tentukan dari sekarang arah-tujuan kita yang pasti, iaitu "mardlatillah" dan kemudian kita bermisi kearah itu dengan cahaya iman, petunjuk Alqur'an dan pimpinan Rasulullah saw.

Sebab hari ini adalah hari kita semua, bukan hari mereka yang kita sebut "datuk nenek" kita. Baik buruk, tegak-roboh, atau maju-mundurnya akan terpulang kepada amal perbuatan kita, bukan kepada amal mereka. Yang nam-pak terlihat atau terdenar, yang terasa samada ni'mat, -karunia atau azab-siksa; itu semua adalah bayangan amal perbuatan kita bersama, tidak boleh menyalahkan sesiapa.

Oleh itu semua, agama kita mengajak sekalian 'Ulama ataupun bukan 'Ulama, yang memimpin dan yang dipim-

pin, tua dan muda, lelaki ataupun wanita untuk "berdakwah". Berdakwah dalam arti yang luas, bukan dengan lidah, bukan juga hanya dengan lisan yang sering bertentangan dengan pengakuan; tetapi berdakwah dengan karakteristik dan akhlak, yang merupakan buah daripada jihad perjuangan kita, khasnya dibulan "Ramadhan" yang dikenali dengan "jihadun nafsi" - jihad berperang melawan hawa nafsu.

Alhamdulillah disetiap bulan Ramadhan, kita telah menambat kejayaan bagi menahan diri dari segala bentuk kebiasaan-kebiasaan yang terpenting, menundukkan hawa nafsu, menyerahkan diri sepenuhnya untuk tunduk diatur dengan undang-undang dan segala aturan, bagi menerima ketentuan dan syari'at Allah swt.

Insya Allah, bila benar-benar merupakan kejayaan yang berkesan, maka ianya tentu akan terasa lebih mudah menahan diri kita dari amal perbuatan yang haram, yang bertentangan dengan fitrah kemanusiaan. Maka marilah kita berdakwah dengan cara masing-masing atau bersama memperlihatkan jiwa kita sebagai muslim yang berani atau sanggup hidup teratur, rela dengan tertib hukum llahy.

Kita masing-masing atau bersama-sama memelihara keahlilan, ilmu dan kepandaian kita dengan ber "istiqomah" dalam 'ibadah, disamping berjuang persis seperti mana yang diperintahkan dan dicontohkan oleh Rasulullah saw.

Kita semuanya wajib taat kepada Allah swt., aturan dan undang-undang agama, dan keyakinan atau kepercayaan kita tidaklah akan kita biarkan terbawa arus zaman, yang pada hakikatnya hanyut dibawa hawa nafsu, oleh alunan

fikiran yang tidak suci.

Allah swt. mengingatkan diri kita dengan firman-Nya (QS Asy Syura 15):

وَلَا تَتَّبِعُ أَهْوَاءَ كُمْ
(الشورى: ١٢)

"Dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka."

Tiap-tiap manusia suka dan berharap terhadap kebenaran, akan tetapi mencari yang benar menghajatkan panduan yang benar, memerlukan taufiq-hidayah Tuhan. Tiapa manusia suka terhadap cahaya, tetapi apa yang mesti dibuat, apa yang mesti dilakukan setelah memperolehi cahaya itu, memerlukan petunjuk iman dan keyakinan yang kuat.

Tidak sedikit yang mengharapkan kedatangan siang, tetapi setelah siang datang ia malas, ia suka tidur kembali. Tidak sedikit yang mengharapkan tertib hukum atau undang-undang tetapi setelah diketahui dan difahami, difikirkannya bagaimana cara menentangnya. Tuhan dicari, setelah diketemukan, dikhianati. Ilmu dicari, setelah dimiliki, perbuatannya menghianati ilmunya sendiri. Maka hanya

orang yang mau menerima cahaya ilmu yang diserta cahaya Allah "nur llahy" sahaja, yang akan kuat beramal sesuai dengan pesanan ilmunya itu.

Pada setiap "puasa" kita selalu menyalaikan cahaya "api" pada jiwa, menyalaikan cahaya dalam pergaulan dengan sesama manusia, yang merupakan pantulah iman, dan cahaya llahy akan terbukti menjadi kenyataan dalam perbuatan.

Cahaya tersebut, bukan cahaya matahari atau bulan, bukan cahaya api letrik, tetapi cahaya "nur llahy" - hidayah yang memantulkan amal shaleh, menjadi dan memelihara supaya jangan hidup dalam gelap gulita.

Cahaya ilmu yang telah dimiliki manusia belum boleh melepaskan mereka daripada bahaya kehancuran. Tetapi cahaya llahy yang dibawa oleh Muhammad swt. telah terbukti, selain membuka mata dapat memisahkan antara hak dan batil, antara baik dan buruk, juga memberikan tenaga moral bagi mendorong untuk menolak segala yang haram, yang tidak baik, sekalipun untuk yang demikian itu, kita mesti memberikan pengorbanan tenaga, harta ataupun nyawa.

*"Sesiapa yang mahukan kemuliaan
(maka hendaklah ia berusaha mencarinya
dengan jalan mematuhi perintah Allah)
kerana bagi Allah jualah segala kemuliaan."*

—Surah Faatir Ayat 10

RANGKUMAN DO'A

DO'A HENDAK BERPAKAIAN

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهِ وَخَيْرِ مَا هُوَ
لَهُ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِ وَشَرِّ مَا هُوَ لَهُ

Allaahumma innii as aluka min khairihi wakhairi maa hua lahu Wa a'uuudzu bika min syarrihi wasyarri maa hua lahu.

ERTINYA

Ya Tuhanku, aku bermohon padaMu dari kebaikan pakaian ini dan dari kebaikan sesuatu yang dibuat untuk pakaian ini. Dan aku berlindung padaMu dari kejahanatan pakaian ini, dan kejahanatan sesuatu yang ada pada pakaian ini.

(H.R. Ibnu Sunny)

Dahulukan yang kanan, yaitu memasukkan tangan kanan kedalam lengan baju dan kaki kanan ketika memakai celana.



BERITA DUNIA ISLAM

PARIS (Maktab Rabithah) Usaha kearah menampilkan Islam lagi

Al Ustaz Nusaib Mahfuz, Naib Pengarah Maktab Rabithah di Paris, menyatakan kesiap-sediaan Maktab Rabithah untuk memberi perkhidmatannya kepada semua warga negara dan generasi Islam di Perancis, dan bekerjasama dengan Pertubuhan Islam Paris, bagi mempermudah perkara-perkara Ibadah dan Pengajaran kearah menampilkan ajaran Islam yang sebaik-baiknya dihadapan Penguasa Perancis.

Perkara-perkara itu dikemukakan dihadapann para ahli Pertubuhan Islam tersebut sempena dengan Mesyuarat

yang mereka adakan di Masjid Al Fath pada akhir-akhir ini, dimana para ahli mempunyai peluang bagi memberi penjelasan secara mujmal aktiviti-aktiviti Pertubuhan. Sebagaimana juga dibahas perkara-perkara yang selama ini mencabarinya, dan bagaimana usaha bagi mengatasi cabaran itu.

Perlu dikemukakan disini bahawa Pertubuhan Islam Perancis adalah merupakan satu Federasi yang dianggotai sramai 100 Jam'iyyah Islam yang tersebar diseluruh Negara Perancis.

Ghana

Bahagian Publisiti dan Penerbitan Dewan Ulama dan Imam bagi Hal Ehwal Agama Islam di Ghana (Afrika) telah menerbitkan satu Surat Khabar "Suara Ulama dan Imam", yang terbit setiap bulan, yang mengandungi berbagai masalah yang berkenaan dengan hal ehwal berita Islam serta pendalaman kefahaman Aqiedah Islamiyah dalam lubuk jiwa pembaca Islam. Dan Surat Khabar tersebut diterbitkan dengan tiga bahasa: Arab, Hawsawi dan English.

Jakarta Kursus Bahasa Arab

Bagi mengalakkan lagi Bahasa Arab bagi para mahasiswa Islam diberbagai

Universiti di Indonesia, maka Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Bahasa Arab Indonesia telah melaksanakan lagi dua Kursus Bahasa Arab, yang pertama di Universiti Muslimin Indonesia di Ujung Pandang Sulawesi Selatan.

Para peserta Kursus terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa dari berbagai-bagi fakulti, antara lain: Fakulti Syari'ah, Undang-undang, Pengubatan, Ekonomi dan Jurusan Bahasa

Saudara budiman

BULAN Ramadan yang mulia menjelang lagi Inilah bulan ujian bagi umat Islam. Umat Islam dituntut melakukan ibadah puasa lahir dan batin. Bagi mereka yang taat, bulan Ramadan merupakan bulan yang bahagia. Mereka bahagia dapat beribadat kepada Allah s.w.t. Tetapi bagi mereka yang engkar, bulan Ramadan amat menyeksakan. Mereka tidak dapat bebas makan dan minum di tengah khalayak ramai.

Latihan ibadah puasa ini harus dilakukan sejak kecil. Setelah biasa, tiada masalah untuk melakukan ibadah ini.

Ibu, bapa bertanggungjawab melatih anak-anak mereka melakukan ibadah puasa, supaya apabila dewasa kelak mereka tidak sukar melakukan ibadah ini.

Hari Raya Puasa yang akan kita rayakan pada bulan Syawal adalah hadiah kemenangan kerana kita berjaya mengatasi ujian ibadah puasa. Hari Raya bukan semata-mata satu pesta, tapi ia satu anugerah Allah kerana kesabaran kita.

*Selamat Hari Raya Puasa.
Maaf zahir dan batin.*

MUTIA

BERFIKIR BENAR, BERBUAT BAIK

Seorang Maha Guru bertanya kepada mahasiswa-mahasiswanya: Siapakah manusia itu? Mahasiswa-mahasiswanya memberikan jawapan yang beraneka ragam, diantaranya:

- Manusia adalah makhluk yang terindah tubuh dan kejaidannya.
 - Manusia adalah binatang yang pandai bicara.
 - Manusia makhluk sosial.
 - dan lain-lain lagi.
- Tapi seorang pujangga lembah Nil, Abbas Mohd. Aqad mengatakan:
- Manusia adalah binatang berbudaya.
 - Manusia adalah binatang yang mempunyai jiwa kemajuan.
 - Manusia adalah ruh mulia yang diturunkan dari langit ke bumi.

Selanjutnya ia mengatakan:

- Manusia adalah makhluk yang diberi tanggungjawab, dan
- Manusia adalah makhluk yang mempunyai daya cipta, dan menjadi Khalifah Allah dipuska bumi.

Tapi baik ahli fikir Yunani, maupun ahli filsafah Muslim, bahkan ayat Kitab Suci Al-Quraan menyatakan bahwa:

- Manusia itu adalah makhluk yang

berfikir.

"Ya benar," kata Maha Guru itu. — Manusia bukanlah binatang. Yang membedakannya dengan binatang ialah terutama FIKIRAN.

Diantara ni'mat Allah yang terbesar kepada manusia ialah kerana Dia memberikan kepada manusia itu otak dan fikiran.

— Dengan menggunakan fikiran, orang dapat mempunyai ilmu dan teknologi.

— Dengan fikiran dan ilmu pengetahuan manusia dapat mewujudkan bangunan-bangunan yang besar, rumah dan gedung-gedung yang indah-indah, perabot rumah yang cantik-cantik, taman-taman aneka warna, lampu-lampu yang terang benderang dan sebagainya.

— Dengan fikiran dan ilmu pengetahuan, manusia dapat menempati darjah yang tinggi, kedudukan yang mulia dan menciptakan kebudayaan yang menyegerakan. "Oleh keranaanya", kata Maha Guru itu, menutup kuliaknya, "yang paling baik idah, BERFIKIR BETUL DAN PRAKTIKAL, BERBUAT BENAR DAN BAIK."

Abu Asyfa'ri
(Suara Masjid)

RUANG BERITA DAERAH

SERUAN

Bagi pehak Sidang Pengarang AL-HUDA, dengan ini kami menyeru kepada saudara-saudara Jawatan Kuasa BINA cawangan-cawangan, sudi kiranya mengirimkan laporan-laporan mengenai kegiatan-kegiatan yang telah dan yang akan dilakukan dalam kawasan saudara, agar kami dapat memasukkannya kedalam Ruang Berita Daerah Majalah bulanan, AL-HUDA. Dengan demikian komunikasi dan silaturrahim diantara kita akan dapat terjalin lebih erat lagi.

Atas kerjasama saudara, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Wassalam,
Sidang Pengarang



Laporlah Kegiatan di kawasan saudara mengenai pertandingan kursus, ceramah dan sebagainya, kirim gambar jika ada dan hantarkan kepada:
Pengarah,
Penerbitan Al-Huda,
Ibu Pejabat BINA, Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.





RAYUAN BANTUAN

Saudara-saudari seiman dan secita-cita,

Majallah AL-HUDA kita yang kita cintai, adalah majalah yang diterbitkan oleh kita dan untuk kita. Hidup matinya bergantung kepada kita. Oleh kerana kita belum punya percetakan sendiri, kita terpaksa membayar upah percetakan setiap bulan. Terlambat bayar, terlambat pula keluarnya. Oleh sebab itu, besar harapan kami, agar kiranya saudara-saudari sudi ikut menyumbang kewangan setakat yang saudara-saudari sanggup mengeluarkannya dengan mengisi borang yang berikut ini. Setelah diisi, haraplah kirimkan kepad akami.

Atas kerjasama pehak saudara-saudari, kami aturkan ribuan terima kasih.

Wasslam
Pengurus Penerbitan



----- potong disini -----

Pernyataan:

1. Nama:
2. Alamat (lengkap dengan pos kod):
3. Bersedia menyumbang bagi penerbitan majallah AL-HUDA:
(a) per bulan sebanyak: M\$ (..... ringgit), atau
(b) per tahun sebanyak: M\$ (..... ringgit)

Dari saya yang ikhlas,

(.....)

NOTA: Resit penerimaan wang akan dikeluarkan sekali dalam 6 bulan.



Halaman Khas

Mulai sekarang penerbitan majalah AL-HUDA membukakan ruangannya untuk iklan, bagi mana-mana pihak yang ingin menyiaran hal ehwal perniagaan, kegiatan, program, rancangan, sejarah atau masa depan sesebuah organisasi, perwakilan, keduataan, yayasan atau persatuan tertentu boleh diterima mengikut bersesuaian dengan majalah AL-HUDA dan dimaklumkan bahawa iklan yang tidak sesuai tidak akan diterima.

Untuk maklumat yang lebih lanjut silalah berhubung dengan Pengurus Pengiklanan: Encik Bujang Jenal Tel: 487381 (rumah) atau Penolong Ketua Pengarang: Ustaz Haji Hassanoeddin Abu Bakar; atau melalui alamat dan telefon berikut:

Bahagian Pengiklanan
Penerbitan Majalah AL-HUDA,
Ibu Pejabat BINA,

Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-443993, 082-443994 ext. 11 atau 31

Cara menyarati iklan sangat mudah,
Tuan/Puan bolehlah membayar
\$150 untuk muka dalam dan \$250
untuk muka belakang.